


Jilid III
Bil. 14

Hari Isnin
13hb Ogos, 1973



MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1149]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara [Ruangan 1156]

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) [Ruangan 1213]

DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 13hb Ogos, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P.
(Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHAMED. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima
Raja (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P. K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. J.P. (Dilantik).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang
Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K.,
A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N. (Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**BANDAR-BANDAR DI PAHANG
TENGGARA/JOHOR TENGGARA**

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah bandar sudah didirikan:

- (a) di Pahang Tenggara; dan
(b) di Johor Tenggara.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di Pahang Tenggara 3 buah bandar sudah didirikan, iaitu Kuala Rompin, Kuala Pontian dan Bukit Ibam.
(b) Di Johor Tenggara 2 buah bandar baru sedang dalam proses pembinaan, iaitu Bandar Tengah dan Bandar Lebam.

**LEMBAGA PROJEK PAHANG
TENGGARA/JOHOR TENGGARA**

2. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan siapakah anggota Lembaga yang mengendalikan projek:

- (a) Pahang Tenggara; dan
(b) Johor Tenggara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, nama anggota-anggota Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara adalah diisytiharkan dalam *Warta Kerajaan*

P.U. (B) 158 bertarikh 26hb April, 1973, dan nama-nama mereka adalah seperti berikut:

- | | | |
|--|------|------------------------------|
| (i) Y.M. Tunku Datuk Shahrizan bin Tunku Sulaiman | | Pengerusi |
| (ii) Y.B. Datuk Thong Yaw Hong | Ahli | } Wakil Kerajaan Persekutuan |
| (iii) Encik Jamil bin Mohd. Jan | Ahli | |
| (iv) Y.B. Datuk Muham-med bin Jusuh | Ahli | } Wakil Kerajaan Negeri |
| (v) Y.B. Encik Abdul Aziz bin Hussain ... | Ahli | |
| (vi) Encik Abdul Razak bin Hitam | Ahli | |
- Nama Ahli-ahli Lembaga Kemajuan Johor Tenggara pula, disiarkan dalam *Warta Kerajaan P.U. (B) 165*, bertarikh 3hb Mei, 1973 dan nama mereka adalah seperti berikut:
- | | | |
|---|------|------------------------------|
| (i) Y.B. Senator Abdul-lah bin Datuk Haji Abdul Rahman ... | | Pengerusi |
| (ii) Encik Yahya bin Abdul Wahab | Ahli | } Wakil Kerajaan Persekutuan |
| (iii) Encik Sulaiman Abdullah | | |
| (iv) Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor ... | Ahli | } Wakil Kerajaan Negeri |
| (v) Y.B. Datuk Chua Song Lim (Ali EXCO Johor) | Ahli | |
| (vi) Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Tahir (Ahli EXCO Johor) | Ahli | |

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli-ahli Lembaga itu bergaji, jikalau ada, berapa?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu dibayar elaun sahaja.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Berapa elaunnya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya tidak dapat berikan pada masa ini.

KAWASAN HUTAN PAHANG TENGGARA/JOHOR TENGGARA

3. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Perdana Menteri menyatakan berapa luas hutan yang telah dibersihkan:

- (a) di Pahang Tenggara; dan
- (b) di Johor Tenggara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Di Pahang Tenggara luas kawasan yang telah dibersihkan ialah 90,797 ekar.
- (b) Di Johor Tenggara luas kawasan yang telah dibersihkan ialah 30,721 ekar.

TEKSI—MENAIKAN TAMBANG

4. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) Samada beliau akan menimbang menaikkan tambang teksi di kampung-kampung dan di pekan-pekan kecil daripada 6 sen kepada 10 sen atau 15 sen sebatu bagi seorang penumpang, memandangkan kenaikan harga barang-barang yang tinggi sekarang ini jika tidak mengapa; dan
- (b) Samada beliau bercadang menubuhkan sebuah Syarikat Insuran Kerjasama khas bagi teksi-teksi supaya syarikat-syarikat insuran lain tidak akan menaikkan primium bagi teksi-teksi, jika tidak samada Kerajaan akan mengambil langkah yang tegas ke atas syarikat-syarikat insuran yang menaikkan primium bagi teksi-teksi dengan sewenang-wenangnya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Walaupun had tambang teksi yang dibenarkan di kawasan luar bandar ialah 6 sen sebatu, namun begitu pemandu-pemandu teksi atau kereta sewa kadang-kalanya mengenakan tambang kurang daripada 6 sen sebatu untuk mendapatkan penumpang-penumpang yang cukup. Tambang maksima yang dibenarkan sebanyak 6 sen sebatu ini hanya dikenakan oleh pemandu-pemandu teksi atau kereta sewa tatkala hari atau masa perayaan sahaja. Dengan yang demikian tidaklah sesuai bagi Kementerian saya menimbangkan kenaikan kadar tambang teksi yang ada sekarang ini jika pemandu-pemandu teksi dan kereta sewa mengenakan tambang yang kurang daripada 6 sen sebatu.

(b) Adalah terpulang kepada pengusaha-pengusaha kereta sewa sendiri memutuskan samada untuk menubuhkan sebuah Syarikat Kerjasama Insuran bagi membolehkan kereta-kereta sewa dan teksi-teksi mereka dapat mengambil insuran yang primiumnya berpatutan. Mana-mana Syarikat Insuran yang mengenakan primium yang pada pendapat pengusaha-pengusaha kereta-kereta sewa/teksi terlalu mahal, mereka adalah berhak mengemukakan pendapat mereka itu kepada Pesuruhjaya Insuran supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

TUNTUTAN KERUGIAN BARANG-BARANG

5. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) bilangan tuntutan kerugian barang-barang kerana kecurian yang dibuat kepada pihakberkuasa Pelabuhan Kelang dalam tahun 1970, 1971, 1972 dan sehingga bulan Jun 1973;
- (ii) jumlah tuntutan yang telah dihukum untuk dibayar dan jumlah wang yang dibayar untuk menyelesaikan tuntutan itu, jika ada; dan
- (iii) samada tuntutan bagi tahun 1970, 1971 dan 1972 yang masih belum diselesaikan dan mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Bilangan tuntutan kerugian barang-barang kerana kecurian yang dibuat kepada Pihakberkuasa Pelabuhan Kelang dalam tahun 1970 hingga bulan Jun 1973 ialah:

Tahun	Tuntutan Jumlah
1970	2,550
1971	1,866
1972	1,216
1973 (hingga bulan Jun) ...	999

Bilangan tuntutan ini termasuk juga bilangan tuntutan ke atas barang-barang yang kurang diterima oleh pengimpot-pengimpot yang menggangap barang-barang kurang penyerahan (Shortage in delivery) sebagai satu akibat kecurian. Adalah sukar untuk menentukan samada barang-barang yang tidak diterima itu disebabkan kecurian atau kehilangan kerana sebab-sebab lain. Walaubagaimanapun, adalah tidak dapat menggangap barang-barang yang kurang diterima itu ialah disebabkan berlakunya kecurian di Pelabuhan Kelang, kerana kadang kala barang-barang itu tidak diterima langsung oleh pihak Lembaga.

- (ii) Jumlah tuntutan yang telah diselesaikan dan jumlah wang yang banyak yang dibayar untuk menjelaskan tuntutan tersebut setakat ini ialah:

Tahun	Jumlah Tuntutan yang telah diselesaikan	Pembayaran yang telah dijelaskan
1970	606	S129,007
1971	1050	414,803
1972	701	317,185
1973 (hingga bulan Jun)	186	45,148

Tuntutan yang telah ditolak kerana bukan disebabkan kecuaiannya Lembaga Pelabuhan Kelang ialah:

Tahun	Bilangan Tuntutan yang ditolak	Nilai tuntutan
1970	1944	S2,296,757
1971	816	1,100,273
1972	515	663,982
1973 (hingga bulan Jun)	692	1,022,675

- (iii) Semua tuntutan bagi tahun 1970, 1971 dan 1972 telah diselesaikan pembayarannya iaitu selain daripada tuntutan yang ditolak oleh Lembaga.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak yang mentadbir pelabuhan ini menentukan siapakah orang yang terlibat di dalam perkara ini yang menyebabkan Kerajaan membayar tuntutan ini, dan apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang menyebabkan kecuaiannya ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini satu soalan yang lain, tetapi bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di sini bahawa pada masa saya jadi Menteri Pengangkutan dahulu kita telahpun bersetuju menubuhkan sebuah pasukan security untuk mengelakkan daripada banyaknya berlaku kehilangan bahkan banyak yang telah dapat diselamatkan. Dalam hubungan kapal international, boleh jadi di mana-mana pelabuhan pun kita akan dapat statistics, tetapi kalau hendak bertanya atas detail, Ahli Yang Berhormat boleh berjumpa dengan saya dan saya akan minta daripada pihak pelabuhan atas keterangan tersebut.

PELANCUNG-PELANCUNG KE MALAYSIA

6. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan pelancung yang telah melawat Malaysia dalam tahun 1971, 1972 dan sehingga bulan Julai, 1973; samada Kerajaan berpuashati dengan bilangan itu dan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memperbaiki perkhidmatan penerangan pelancungan supaya setanding dengan perusahaan pelancungan di negara-negara lain.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1971, seramai 600,000 orang pelancung telah melawat ke negara ini. Dalam tahun 1972 ialah 725,874 orang iaitu bertambah 21% dibandingkan pada tahun sebelumnya. Sehingga pertengahan tahun 1973 ini, bilangan pelancung yang melawat ialah 424,996 orang iaitu menunjukkan pertambahan sebanyak 19% dibandingkan dengan masa yang sama pada tahun yang lalu.

Bilangan yang diberikan di atas adalah tidak termasuk pelawat-pelawat Singapura

yang datang melalui jalanraya Tambak Johor. Ini adalah disebabkan pelawat-pelawat Singapura yang berulang-alik melalui Tambak Johor ialah pelawat-pelawat harian dan pekerja-pekerja tempatan.

Peratus tambahan bilangan pelancung-pelancung yang disebutkan tadi adalah menggalakkan dan Kerajaan berpuashati atas kemajuan ini. Sungguhpun begitu, Kerajaan akan terus berusaha supaya perusahaan pelancungan di negara ini meningkat maju. Untuk mempesatkan lagi kemajuan industri ini, 2 Pejabat Penggalakan Pelancungan di Seberang laut telahpun ditubuhkan, iaitu di Singapura dalam tahun 1971 dan di Tokyo baru-baru ini. 8 buah lagi Pejabat Penggalakan Pelancungan akan turut ditubuhkan di Frankfurt, Copenhagen, Sydney, San Francisco, London, New York, Bangkok dan Hong Kong. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua berbagai-bagai projek telah dijalankan di dalam negara ini bagi menarik lebih ramai lagi para pelancung ke negara ini. Selain daripada itu, Kerajaan turut menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persatuan-persatuan Pelancungan supaya menubuhkan Pusat-pusat Penerangan masing-masing.

LEMBAGA TANAH LADANG (ESTATE LAND BOARD)

7. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan akan membenar serta mempercepatkan pembahagian estet yang telah dijual sebelum penguatkuasaan pembekuan pembahagian estet untuk meredakan kesulitan orang-orang miskin yang telah membeli tanah itu tanpa hakmilik dan tidak mampu menanam semula tanah mereka.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan biasa bagi Lembaga Tanah Ladang (Estate Land Board) yang dilantik oleh Pihakberkuasa Negeri bagi menimbangkan sesuatu permohonan pecah sempadan tanah estet mengikut meritnya dan ini adalah terkena kepada sesuatu kes di mana bahagian-bahagian tanah itu telah dijual kepada orang-orang perseorangan. Mengenai soalan menyegerakan pecah sempadan bagi tanah-tanah ladang itu, jika ini bertujuan memberi keutamaan, maka ini bukanlah suatu dasar yang ada sekarang

untuk berbuat demikian oleh sebab dalam pentadbiran tanah keutamaan kerja-kerja adalah diberikan kepada kerja-kerja yang berkaitan dengan projek-projek Kerajaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BIRO SIASATAN NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (10hb Ogos, 1973).

Perbahasan disambung semula.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, semasa sidang ini ditangguhkan pada masa itu, saya cuba memberi sedikit huraian tentang perkara-perkara yang ada kaitannya dalam masaalah rasuah dan hubungannya dengan bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Sebagaimana saya telah tunjukkan satu contoh iaitu syarikat-syarikat bumiputra yang tidak sanggup menjalankan perniagaannya dengan cara memberi rasuah untuk mendapatkan keuntungan yang lebih, terpaksa menanggung kerugian, atau tidak dapat hendak memajukan perniagaannya dengan kerana ada pihak-pihak yang lebih sanggup untuk memberi rasuah bagi mendapatkan keuntungan yang lebih dalam menjalankan perdagangan dan perusahaan.

Saya cuba menerangkan kepada Dewan ini bahawa ada baiknya pihak Badan Pencegah Rasuah yang akan ditukarkan namanya kepada Biro Siasatan Negara itu memikirkan bagaimanakah caranya kita dapat adakan satu sempadan yang tidak menyebabkan mereka itu dituduh sebagai rasuah. Dalam perkara sempadan rasuah ini banyak perkara yang terlibat dalam perdagangan dan perusahaan. Bagaimana saya katakan pada hari Jumaat dahulu, satu daripadanya ialah pengangkutan lori yang mana mempunyai hak yang tertentu iaitu satu lori boleh dimuatkan cuma 8 tan sahaja, tetapi kalau muatannya dilebihkan 10 tan, maka syarikat itu akan mendapat keuntungan yang lebih. Bagi mereka yang suka mendapat keuntungan yang lebih dengan cara memberi rasuah, mereka boleh dapat memajukan perniagaan itu dengan berlebihan. Tetapi bagi pihak

bumiputra yang baru menceburkan dirinya dalam perniagaan yang seumpama itu, mereka takut memberi rasuah dan mereka akan mendapat kesusahan dalam menjalankan perniagaan mereka. Ini adalah satu daripada contoh yang saya suka berikan kepada Dewan ini untuk kajian bagi jabatan yang berkenaan itu.

Satu daripada masalahnya ialah apabila kita tukarkan nama daripada Badan Pencegah Rasuah kepada Biro Siasatan Negara, maka saya rasa perlu kita ubahkan kuatkuasa itu supaya dilebarkan, menepati dengan kehendak Biro Siasatan Negara. Apabila kita ubahkan nama dan kita banyakkannya serta diluaskan bidang kuasanya itu, maka di situlah akan menjamin kebersihan negara kita di masa yang akan datang.

Saya suka hendak memberi satu contoh dan beberapa contoh yang menunjukkan bagaimana mustahaknya ditambah kuasa-kuasa itu. Satu daripada contoh yang besar pada masa ini Kerajaan mempunyai Dasar Ekonomi Baharu yang mana berbagai-bagai usaha Kerajaan dijalankan bagi membina negeri ini, bagi mengembangkan ekonomi negara kita dan bagi menjalankan apa juga usaha yang boleh kita dapat menarik modal daripada luar negeri. Umpamanya, kita dapat menarik modal daripada England, Jepun, Jerman dan sebagainya untuk masuk kepada negara kita ini dan menubuhkan syarikat-syarikat yang berupa joint-venture dengan syarikat-syarikat asing ini. Ada kalanya syarikat-syarikat asing ini menyalahgunakan dasar Kerajaan, umpamanya, kalau ada syarikat daripada Jepun buat joint-venture dengan S.E.D.C. yang ada di Malaysia ini, maka mereka menyalahgunakan peluang ataupun kuasa-kuasa yang diberikan oleh Kerajaan itu. Dengan cara mencari keuntungan yang berlebihan, tetapi keuntungan itu bukan diserahkan kepada syarikat yang ada itu, tetapi untuk syarikat ibunya yang ada di Jepun atau yang ada di England umpamanya.

Umpamanya, syarikat-syarikat Jepun pernah kita dengar mereka membawa ke mari jentera-jentera yang buruk untuk di joint-venturekan dengan mereka yang ada di tempatan ini. Mereka membawa masuk barang-barang seperti getah pemadam ataupun pensel diorder daripada negeri Jepun untuk digunakan di dalam negara ini. Ini

adalah cara menyalahgunakan yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini untuk mendapat keuntungan kepada syarikat ibu yang ada di negerinya itu.

Umpamanya, kita katakanlah joint-venture yang kita buat dengan syarikat di England bagi mengadakan Merchant Bankers di Malaysia ini, mereka gunakan peluang itu untuk mengambil peluang bagi menyalahgunakan bank itu untuk mencari keuntungan yang lebih kepada syarikat ibunya yang ada di England itu. Mereka menggunakan staff di sini, alat-alat, information yang ada di negara kita ini dengan negara-negara yang berhampiran dengan negara kita ini untuk memberi keuntungan balik kepada syarikat ibu yang ada di England bukan untuk keuntungan syarikat yang ada ditubuhkan di sini. Ini adalah cara salahguna kemudahan yang diberi oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baharu kita ini.

Kadang-kadang kita dengar syarikat-syarikat yang datang ke sini yang telah diberi kemudahan-kemudahan itu menggunakan pegawai-pegawai expatriate daripada luar negeri yang digelar pakar-pakar ekonomi, teknik dan berbagai-bagai pakar lagi dengan tidak menggunakan executives yang ada di dalam negara kita ini. Kalau digunakan executives orang-orang bumiputra atau bukan bumiputra yang ada di Malaysia ini, maka mereka tidak memberikan kuasa-kuasa menadbirkan dan tidak diberikan fail-fail yang mustahak kepada mereka ini. Cuma diberi meja, kertas untuk mereka ini menjalankan kerja sebagai topeng menunjukkan kepada Kerajaan yang mereka telah mengikuti kehendak dan dasar Kerajaan. Ini adalah cara bagaimana salahgunanya kemudahan-kemudahan yang diberi kepada syarikat-syarikat dalam masalah perdagangan dan perusahaan. Kalau sekiranya kita biarkan benda ini berlaku berleluasa di negara kita ini, maka sudah tentu negara kita ini akan menjadi kerugian. Orang-orang bumiputra tidak akan dapat dilatih dengan cukup kerana peluang latihan itu tidak diberi dengan sepenuhnya, peluang-peluang key post tidak diberi kepada bumiputra padahal pada mulanya mereka berjanji untuk memberi latihan, untuk memberi segala pertolongan kepada negara kita ini, untuk melatih anak-anak muda kita menjalankan kerja-kerja di sini, mereka sudah memecahkan perjanjian padahal mereka baharu masuk

ke negara kita ini, dan ini tidak boleh disiasat oleh Jabatan Buruh, oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kerana mereka tidak mempunyai penyiasat-penyiasat yang mahir. Apa yang kita perlu buat sekarang bila kita menukarkan nama dan menjadikan Biro Siasatan Negara, biarlah kita meliputi kuasa itu supaya mereka yang ada dalam Biro Siasatan Negara ini mempunyai kemahiran-kemahiran yang cukup untuk meneliti dan menyiasat bagaimana cara penanam-penanam modal ini menjalan, mengguna, menyalahgunakan kuasa-kuasa dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka ini.

Saya kata ini adalah perlu bahawa kuasa Biro Siasatan Negara ini diperluaskan dan mereka yang bekerja dengan Biro Siasatan Negara ini hendaklah dilatih dengan betul-betul dengan kemahiran yang cukup supaya mereka mengetahui apa yang benar dan apa yang tidak benar. Sebab dalam masalah perniagaan dan perdagangan banyak cara yang boleh dibuat, yang susah hendak difahami oleh seorang pegawai Kerajaan yang biasa dengan kerja routine di pejabat.

Bagaimana kita mengetahui pada masa ini Badan Pencegah Rasuah ini telah mengambil pegawai kastam umpamanya, bekerja dalam Jabatan ini untuk menyiasat bagaimana cara penyeludupan yang bijak dijalankan membawa barang-barang masuk dalam negara kita ini. Ini menunjukkan bahawa Badan Pencegah Rasuah ini berkehendakkan kepada mereka yang mengetahui benar-benar cara, keadaan, dasar dan undang-undang Kerajaan ini disalahgunakan oleh mereka yang ada di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, apabila kita sebut perkataan pencegah rasuah bermakna apa yang kita mahu ialah mencegah sesuatu yang boleh merosakkan keadaan negara kita ini.

Selalunya rasuah ini berlaku ialah di dalam Jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan pekerjaan-pekerjaan yang boleh mendapat keuntungan, sebab kalau sekiranya saya tidak dapat keuntungan, saya tidak beri rasuah. Kalau saya hendak minta lesen, maka lesen itu dapat memberi keuntungan kepada saya, maka saya beri rasuah Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada kaitan dengan lesen, ada kaitan dengan pemberian tanah, ada kaitan dengan memberi kota-kota perniagaan, ada

kaitan dengan memberi kebenaran-kebenaran khas yang istimewa, yang tidak dapat diberi kepada semua orang. Inilah Jabatan-jabatan yang biasanya timbul rasuah-rasuah dengan berbagai-bagai cara.

Ada rasuah dengan cara meminta wang terus. "Awak beri wang kepada saya, saya beri lesen." Ada rasuah dengan cara lambat. Kalau tidak beri rasuah, enam bulan lesen tidak keluar lagi. Mereka tidak minta rasuah. Mereka tidak minta wang, tetapi banyak kerja, fail bertimbun-timbun. Ini cara-cara halus yang susah kita hendak tuju bagaimana cara rasuah yang sebenar berlaku. Kadang-kadang dibawa beer, stout, whisky tiga, empat peti, umpamanya, masa birthday dan masa perayaan. Ini susah hendak dikatakan rasuah, kerana persahabatan yang ada di antara pegawai dengan mereka yang memberi itu cukup rapat. Itu satu persahabatan, kemesraan yang kadang-kala saya membawa cake kepada seorang pegawai, tak boleh kata saya rasuah, sebab saya hormat hari birthdaynya, tetapi hubungan seni yang halus itulah yang menimbulkan kemudahan yang saya dapat. Cara ini susah hendak dipecahkan dalam masalah rasuah ini.

Saya mencadangkan supaya Jabatan Rasuah ini jangan membenarkan orang bumiputra ini rasuah, janganlah kerana hendakkan bumiputra berniaga maju boleh rasuah, tetapi apa yang ada dalam pemikiran saya ialah biarlah Jabatan Pencegah Rasuah itu menimbang dari segi kemanusiaan, dari segi kemahuan Kerajaan memajukan bumiputra, dari segi kaedah bagaimana dapat kita menimbang cara-cara yang boleh kita pecahkan masalah hubungan yang sulit yang seumpama ini. Inilah yang saya rasa perlu dipertimbangkan oleh Jabatan Pencegah Rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak huraikan panjang-panjang dalam masalah ini, tetapi saya suka menekankan lagi iaitu supaya Jabatan Rasuah ini diberi kuasa yang meliputi segala perkara yang ada dalam negara kita ini, yang tidak betul pada segi Undang-undang yang disalahgunakan pada segi kemudahan-kemudahan Kerajaan, umpamanya seorang Melayu mengambil lesen, sudah dapat lesen diberi terus kepada orang yang bukan Melayu untuk menjalan-

Ini adalah satu daripada salahguna kemudahan yang diberikan kepada orang Melayu yang difikirkan tidak patut pada masa ini, kerana hari ini kita sudah ada perbadanan, kita sudah ada kemudahan yang boleh diberi, kenapa kita biarkan perkara yang seumpama ini berlaku. Ini juga patut dimasukkan di bawah tanggungjawab Biro Siasatan Negara ini supaya disiasat benar-benar. Kalau sekiranya bumiputra hendak membuat joint venture dengan orang yang bukan Melayu, buat secara terbuka, secara sihat, secara kerja bersama, tetapi bukan secara jual, kemudian duduk di rumah terima wang sahaja. Ini perlu juga diserahkan kepada Biro Siasatan Negara untuk mengambil tanggungjawab. Kalau kita biarkan perkara yang seumpama ini berlaku, maka kita lihatlah bagaimana kehancuran harapan Kerajaan untuk menegakkan orang Melayu secara praktikal, secara benar-benar bergerak dalam perdagangan dan perusahaan. Itulah saya kata perkara-perkara yang disalahgunakan oleh mereka yang mengambil peluang dalam kemudahan-kemudahan Kerajaan itu hendaklah disiasat oleh Biro Siasatan Negara, dan apabila kita luaskan bidang kuasa Biro Siasatan Negara ini, saya rasa dapatlah kita mengawasi mereka yang datang ke negara kita ini.

Ada setengahnya dia datang sebagai hendak berniaga dan membawa pakar-pakarnya. Mereka yang dikatakan pakar-pakar itu boleh jadi mereka bukan pakar, tetapi buat kerja lain bagi kepentingan negaranya. Ini juga patut dijaga dan dikawal sebab kita adalah negara yang kecil, yang duduk di tengah-tengah negara yang bergolak hari ini. Kita perlu mengawasi bagaimana orang-orang asing yang datang masuk ke negara kita ini menyeludup sebagai peniaga, pengusaha, pemodal yang boleh mengeluarkan benda-benda yang boleh merosakkan kepentingan negara kita.

Siapa juga yang merosakkan kepentingan nasional dan siapa juga orang yang dipandang oleh Kerajaan sebagai anti-nasional, maka kita serahkan kepada Biro Siasatan Negara itu menyiasat benar atau tidak dia ini anti-nasional ataupun yang boleh merosakkan negara kita. Kalau setakat hari ini mereka ini tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat element yang dikatakan anti-nasional, kalau kita perluaskan badan ini

dengan kuasa-kuasa ini mereka boleh menyiasat dan boleh melapurkan kepada Kerajaan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk menubuhkan Biro Siasatan Negara supaya dapat dan memperluaskan tanggungjawab dan kuasa yang dahulunya oleh Badan Pencegah Rasuah.

Rang Undang-undang ini adalah mustahak bagi negara kita. Sungguhpun kita boleh berbangga bahawa daripada segi rasuah ini kita bolehlah kata, bahawa kita adalah kurang kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, mungkin tidak kalau dibandingkan dengan Singapura, tetapi dengan negara-negara jiran yang lain, mungkin kita boleh berbangga bahawa di dalam negara kita ini rasuah adalah kurang, dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang dapat menahan hati mereka daripada tergoda dengan wang yang dihulurkan kepada mereka tiap-tiap kali oleh pihak-pihak yang mencari keuntungan melalui cara ini.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan bahawa di dalam negara kita ini rasuah berlaku dan oleh kerana lebih banyak wang terlibat di dalam pembangunan negara mungkin rasuah juga lebih daripada masa-masa yang lepas. Umpamanya, dahulu kalau kita sebut berkenaan dengan kontrek \$1 juta, ini menjadi satu kontrek yang terbesar, tetapi sekarang ini pegawai-pegawai boleh berunding yang mana persetujuan mereka boleh melibatkan wang sebanyak \$50 juta atau \$60 juta dan apabila wang ini begitu banyak, maka wang yang dihulurkan sebagai rasuah menjadi banyak.

Saya menyokong penuh keritik-keritik yang berkata bahawa kita patut menjaga tentang "big fish" dalam perkara rasuah ini, kerana ini memang mustahak kalau kita ingin supaya rancangan-rancangan kita yang terbesar, yang melibatkan Kerajaan, yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit ini dapat berjalan dengan sempurna, tetapi patutlah juga kita mengingatkan bahawa "small fish" ini juga ada kesannya. Bagi orang yang terlibat dengan "small fish" ini, bagi mereka perkara ini adalah besar iaitu bagi seorang yang ingin mendapat lesen yang kecil, sungguhpun rasuah yang dihulurkan

itu tidaklah banyak, tetapi bagi mereka ini, ini merupakan sebahagian daripada hak mereka yang banyak. Kalau mereka cuma hendak membayar \$100 atau \$200, maka ini merupakan satu percentage yang besar bagi orang yang ingin menjalankan satu perusahaan yang menelan belanja cuma \$3,000-\$4,000. Perkara ini juga patut diambil perhatian oleh Biro Siasatan Negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah memang sukar untuk ditentukan kerana seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi kadang-kadang rasuah ini merupakan hadiah di waktu Hari Jadi (keputraan) dan sebagainya. Perkara yang semacam ini sudah tentu sukar ditentukan oleh Biro Siasatan Negara ini. Tetapi saya berpendapat bahawa perkara ini dapat ditentukan kalau tindakan yang tidak secara langsung dapat diambil terhadap pegawai-pegawai yang sungguhpun tidak terang-terang terlibat di dalam rasuah, tetapi gerak-geri mereka boleh memberi peluang kepada terjadinya rasuah. Umpamanya, dalam sesuatu permohonan biasanya permohonan ini dapat diluluskan di dalam jangka masa yang pendek, tetapi malangnya mengambil masa yang begitu lama sekali.

Bagi setengah-setengah daripada orang-orang yang membuat permohonan ini untuk mempercepatkan kelulusan permohonan ini mereka tertarik dengan cara yang tidak baik iaitu dengan memberi rasuah dan pegawai yang mula-mulanya sebenar tidak ingin menerima rasuah, tetapi tidak dapat menjalankan tugasnya dengan cepat oleh kerana banyak tanggungjawab telahpun tergoda dengan huluran yang datang daripada pihak yang memohon ini. Sekali ia terlibat di dalam perkara ini dan sedar bahawa dengan kerana ia tidak dapat menjalankan tugas ini dengan cepat, ini sebenarnya mendatangkan keuntungan yang lebih kepada dirinya, maka pada kali-kali yang lain ia akan dengan sengaja melewati kelulusan permohonan ini dan dengan secara ini dapatlah ia menerima lebih banyak keuntungan bagi dirinya. Dalam keadaan yang semacam ini susah benar pihak yang berkuasa untuk menentukan samada rasuah berlaku atau tidak.

Saya ingin mencadangkan di sini, kalau sesuatu kerja itu sepatutnya dilakukan di dalam satu jangka masa yang pendek, tetapi selalunya mengambil masa yang banyak dan

juga kalau di antara permohonan-permohonan yang samada yang didahulukan, ada yang dilewatkan, maka ini sudah cukup untuk menentukan bahawa pegawai itu terlibat di dalam perkara rasuah, tetapi oleh kerana tidak ada evidence yang cukup dan tidaklah dapat pihak Biro Siasatan Negara ini mengambil tindakan melalui undang-undang, maka Biro Siasatan Negara ini patut bekerjasama dengan Ketua Pejabat yang tersebut supaya tindakan diambil melalui disiplin pejabat (peraturan-perautran pejabat) iaitu pegawai yang selalunya menjalankan kerja mereka macam ini patutlah diberhentikan daripada memegang jawatan itu, atau kenaikan gajinya ditahan, ataupun kenaikan pangkatnya ditahan.

Lagi satu cara untuk mencegah keadaan yang semacam ini ialah supaya menentukan had masa untuk sesuatu kerja. Kalaulah permohonan, umpamanya, untuk menukar syarat atas sesuatu tanah yang sepatutnya mengambil masa tidak lebih daripada 3 bulan, tetapi mengambil masa lebih daripada 3 bulan kadang-kadang sehingga 2 tahun, maka ini sudah menjadi cukup bukti bahawa adanya berlaku rasuah. Kalau sikap ini hendak diambilkan oleh Kerajaan apa yang kita kehendaki ialah supaya sesuatu kerja itu dapat ditentukan jangka masanya yang ianya patut diluluskan. Umpamanya yang saya sebutkan tadi, kalau permohonan itu ialah untuk menukar syarat di atas sesebuah tanah daripada syarat pertanian kepada syarat kediaman, sepatutnya perkara ini cuma memakan masa 3 bulan, tetapi selalunya mengambil masa 2 tahun, maka kita menentukan kalau lebih daripada 3 bulan pegawai itu akan disoal oleh Ketua Pejabatnya dan kalau ianya tidak dapat memberi penerangan yang jelas kenapa ianya lewat untuk menjalankan tugasnya, maka ianya akan menjadi suspect di dalam perkara rasuah dan tindakan seperti yang saya sebutkan tadi patutlah diambil ke atasnya dengan secara tidak menaikkan gaji ataupun tidak memberikan pangkat kepadanya.

Perkara ini memang sukar ditentukan, memang susah untuk kita menetapkan panjang manakah sesuatu permohonan itu akan mengambil masa, tetapi saya percaya kalau satu study dibuat tentang tiap-tiap kerja yang dijalankan oleh tiap-tiap pegawai yang berkenaan dengan tugas-tugas yang tertentu, maka masa yang sederhana yang

berpatutan dapat ditentukan dan dengan cara ini dapatlah kita mengurangkan rasuah yang berlaku di dalam negara kita ini.

Rasuah yang semacam ini, kerap kali terlibat di peringkat-peringkat bawah, umpamanya berkenaan dengan permohonan kepada Town Planner dan sebagainya yang mana permohonan ini, kalau disekat dan mengambil masa yang panjang akan mendatangkan kerugian yang begitu besar kepada permohonan itu, maka kerap kali ianya sanggup membayar sedikit-sebanyak derma kepada pegawai yang tersebut. Kalau dapatlah kita menentukan had masa untuk sesuatu kerja itu, maka dapatlah kita mengurangkan rasuah yang berlaku di dalam negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tugas Biro Siasatan Negara ini telah diperluaskan lebih daripada Badan Pencegah Rasuah yang lama, maka suatu perkara yang patut diambil perhatian oleh Biro ini ialah berkenaan dengan penipuan di dalam bidang perniagaan. Penipuan ini berlaku terlampau banyak dan banyaklah orang yang telah mengalami kerugian besar oleh kerana orang-orang yang begitu cekap membuat penipuan dalam bidang perniagaan. Kita semua telah membaca berkenaan dengan Gemini Chit Fund yang mana Pengarahnya sekarang ini telah dihukum jel seumur hidup, tetapi di dalam negara kita ini ada berlaku bermacam penipuan yang mana pihak Kerajaan nampaknya tidak ada kuasa sama sekali mengambil tindakan.

Saya ingin menyebutkan berkenaan dengan satu dua perkara yang terjadi di Alor Star berkenaan dengan penipuan yang semacam ini.

Baru-baru ini sebuah kompeni ditubuhkan di Alor Star, katanya untuk berniaga menjual gula-gula kepada kanak-kanak. Kompeni ini dianjurkan oleh seorang yang tidak ada pengalaman di dalam perniagaan yang besar, tetapi caranya bagi menarik orang ramai ialah dengan berjanji memberikan kerja kepada mereka dengan begitu banyak, peluang bekerja yang ada di dalam kompeni ini ialah 200 untuk orang-orang yang akan membalut gula-gula ini. Ada pula kerja sebagai Pengarah, ada juga kerja sebagai pemandu kereta, ada juga kerja sebagai orang yang membawa motosikal membawa gula-gula ini

ke kedai-kedai, tetapi satu syarat dikenakan kepada orang-orang yang ingin bekerja di dalam syarikat ini. Tiap-tiap orang yang ingin kerja, umpamanya sebagai penjual gula ini dikehendaki membayar ataupun memberi wang pertaruhan sebanyak gaji sebulan iaitu kalau gajinya \$100 maka ianya mestilah memberi kepada syarikat itu \$100 wang pertaruhan.

Lagi satu perkara yang dikenakan kepada pekerja-pekerja yang ingin berkerja ini ialah mereka mestilah menyediakan satu pakaian seragam sendiri, kerana kata pihak yang menganjurkan syarikat ini mereka tidak boleh beri pakaian seragam sehingga orang-orang ini ditetapkan sebagai pekerja selepas 3 bulan dan selepas 3 bulan maka syarikat akan membayar untuk harga pakaian seragam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tiap-tiap seorang membayar \$100 dan mereka mengambil 200 orang pekerja, maka ini bermakna \$20,000 dapat dikutip oleh penganjur syarikat ini. Begitu juga mereka yang ingin menjadi pengarah, dikehendaki menyediakan ataupun memegang saham sebanyak \$3,000 tetapi gaji pengarah itu adalah \$1,000 pada tiap-tiap seorang. Yang ingin menjadi pemandu kereta pula dikehendaki membayar sebulan gaji sebanyak \$200 sebelum bekerja. Wang-wang ini dikumpulkan oleh penganjur syarikat ini dan dengan wang inilah ianya menyediakan tempat yang begitu elok untuk dirinya sebagai Managing Director dengan permaidani yang tebal, bilik yang berhawa dingin dan juga menyewa rumah kedai untuk mengadakan perusahaan ini. Dan wang yang dikutip ini tidak kurang daripada \$70,000 daripada bakal pekerja dan digunakan untuk mengadakan satu jamuan besar yang mana orang-orang kenamaan juga dijemput.

Kalau kita membuat perhitungan gaji bagi semua pekerja-pekerja di dalam syarikat ini, maka kita berpendapat bahawa pada tiap-tiap bulan gaji sahaja yang mesti dibayar ialah \$40,000 dan gaji ini tentulah datang dari keuntungan daripada menjual gula-gula ini sebanyak satu bungkus 5 sen. Mustahil daripada penjualan gula sebungkus 5 sen kepada kanak-kanak di dalam sekolah boleh dapat keuntungan sebanyak \$40,000 sekurang-kurangnya untuk membiayai perbelanjaan tiap-tiap bulan. Siapa juga yang

membuat perhitungan secara ringkas tentu dapat menentukan bahawa syarikat ini tidak boleh kekal, tidak boleh berniaga sama sekali. Tetapi malangnya begitu banyak pemuda-pemudi menganggur, maka mereka ini tertarik benar dengan kerja yang dipelawakan kepada mereka dan mereka meminta kepada ibubapa mereka wang sebanyak \$100 supaya dapat mereka membayar wang pertaruhan ini dan menjadi pekerja di dalam syarikat ini, dan kebetulannya selepas sebulan syarikat ini tidak dapat membayar gaji kepada pekerja-pekerjanya kerana wang yang dikutip olehnya daripada wang pertaruhan sudah habis. Dan terjadilah satu peristiwa pelik di Alor Star yang mana pekerja-pekerja berkumpul untuk mencari peluang memukul orang yang menganjurkan syarikat ini. Dan pihak polis pula terpaksa menangkap penganjur syarikat itu bukan kerana ianya melakukan satu kesalahan, tetapi untuk melindungi daripada pekerja-pekerjanya sendiri. Malangnya, perjanjian yang dibuat oleh orang ini dengan pekerjanya adalah dengan nasihat orang-orang yang cekap di dalam bidang undang-undang, khasnya loyar sendiri dan perjanjian itu begitu cekap sekali dibuat sehingga tidak ada undang-undang yang menyalahkan usaha yang dijalankan oleh orang ini. Jadi ianya hingga sekarang tidaklah ada apa-apa tindakan diambil terhadapnya dan ianya terlepas begitu sahaja dan orang-orang yang miskin ini yang begitu susah mendapat wang \$100 atau \$200 ini sekarang sudah kehilangan wang mereka dan tidak akan dapat kembali wang mereka. Ini adalah penipuan yang tidak patut dilakukan kepada orang-orang yang miskin. Ini adalah satu contoh sahaja. Ada lagi satu contoh berkenaan dengan penipuan yang lebih kurang sama dengan ini.

Satu syarikat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur ini telah pergi ke Kedah dan menubuhkan anak syarikat, bukan satu, bukan dua tetapi 20 anak syarikat. Anak syarikat ini ditubuhkan di Kedah di merata-rata daerah, katanya untuk berniaga di dalam bidang pertanian. Tiap-tiap orang yang dijemput masuk di dalam syarikat ini dijanjikan akan memberi kerja dengan gaji yang tinggi. Ada orang yang dijanji bergaji \$300; pengarahnya dijanji bergaji \$1,000; ada lain-lain orang yang dijanji kerja dengan bergaji yang tinggi, tetapi satu syarat dikenakan kepada semua orang ini. Mereka mestilah membayar saham mereka untuk

menjadi pemegang saham dan pekerja di dalam anak syarikat (subsidiaries) ini. Dan kalau kita buat perhitungan 20 subsidiaries dan begitu banyak pemegang-pemegang saham bakal pekerja di dalam syarikat ini sudah tentu wang yang dikutip oleh ibu-pejabat syarikat ini ataupun holding company yang dibuat di Kuala Lumpur ini adalah berpuluh-puluh ribu ringgit.

Perniagaan yang semacam ini sudah tentu tidak dapat dilakukan kerana mustahil mereka dengan begitu mudah mengadakan perusahaan dengan membayar gaji yang begitu tinggi. Tidak berapa lama selepas itu, maka terjadilah satu kes di dalam court di Perlis yang mana seorang daripada orang yang dipilih untuk menubuhkan anak syarikat di Perlis ini dihukum salah sebagai satu penipuan, kerana mengambil wang daripada orangramai, tetapi tidak menjalankan tugasnya. Malangnya, kita belum tentu samada orang ini yang salah ataupun orang yang membawakan cadangan ini daripada Kuala Lumpur yang menyebabkan ianya terlibat di dalam perkara ini.

Apa yang kita tahu ialah apabila orang ini berkata bahawa wang yang dikutip daripada orangramai itu sebenarnya dihantar ke Kuala Lumpur. Jawabnya ini adalah bayaran hutang kepada orang di Kuala Lumpur ini dan resitnya menunjuk bahawa bayaran ini adalah bayaran hutang, jadi kesalahan ini terkenal kepada orang yang menubuhkan syarikat itu di tempat ini.

Perkara yang semacam ini berlaku dengan tidak ada sekatan sama sekali. Bermacam-macam lagi yang berlaku, umpamanya satu syarikat membuat iklan di dalam suratkhbar yang berjanji akan memberi kerja kepada ratusan orang. Mereka boleh membuat permohonan kepada syarikat ini dan oleh kerana syarikat ini akan mengambil begitu banyak, maka sudah tentulah peluang bekerja di dalam syarikat itu banyak. Dan mereka di dalam iklannya menyebut iaitu orang yang memohon mestilah hantar bersama-sama dengan permohonannya wang sebanyak \$5 kerana memproses permohonan ini. Oleh kerana peluang bekerja adalah untuk 500 orang, maka di Kedah sahaja tidak kurang daripada 5,000 orang memohon untuk bekerja di dalam syarikat ini. Ini bermakna orang yang menganjurkan perusahaan ini dapat \$25,000 dengan percuma.

Mereka mungkin akan memberi pekerjaan kepada 30 atau 40 orang, mungkin betul ada syarikat itu, tetapi apa yang sebenarnya selalu terjadi ialah pemohonan-pemohonan itu walaupun tertipu menghantarkan wang sebanyak \$5 untuk memohon menjadi pekerja di dalam syarikat itu, tetapi tidak akan melihat hasil wang \$5 itu.

Saya sendiri telah bertemu dengan mereka itu dan meminta supaya mereka itu mengambil tindakan, tetapi oleh kerana kata mereka wang yang terlibat itu cuma \$5, mereka tidaklah ingin membawa perkara itu ke tengah. Jadi, mereka berdiam diri, oleh kerana mereka berdiam diri, maka orang yang menipu itu dapat menipu dengan tidak takut kepada mana-mana pihak.

Saya percaya perkara ini bukan terjadi di Kedah sahaja, tetapi di lain-lain tempat juga telah terjadi termasuk di Melaka dan di lain-lain tempat. Perkara yang semacam ini nampaknya dapat dilakukan oleh kerana undang-undang negara kita tidak begitu tegas tentang perkara penipuan itu, dan tidak pula ada jabatan yang diberi tugas khas untuk menyiasat gerak-geri mereka itu. Saya berharap dengan adanya undang-undang yang baru ini, dengan tertubuhnya Biro Siasatan Negara ini, perkara ini akan dapat diambil perhatian oleh Biro ini dan perkara-perkara yang semacam ini tidak lagi berlaku ataupun sekurang-kurangnya disekat daripada berlaku dengan berleluasa seperti masa sekarang ini.

Itulah sahaja yang dapat saya sebutkan di sini dan seterusnya saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Haji Hassan bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara yang dahulu dikenal sebagai Badan Pencegah Rasuah.

Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan hasrat saya berkenaan Akta ini yang diberi nama Biro Siasatan Negara, yang saya fahamkan adalah suatu pejabat yang akan memberi sokongan dan bantuan kepada negara di dalam negara kita yang membangun pada hari ini.

Saya percaya sebelum Biro Siasatan Negara ini dinamakan ataupun hendak ditukar daripada B.P.R. tentulah Kerajaan

telah mencari, melatih dan memberi pengetahuan yang cukup kepada pegawai-pegawai yang akan diletakkan di pejabat ini untuk menyelenggarakan apa yang dikehendaki oleh negara bagi menghapuskan rasuah ataupun pemberian rasuah dalam negara kita. Saya berharap kepada pegawai-pegawai yang akan melaksanakan tugas-tugas ini dapat menjalankan kewajipan yang sebenar, tidak akan berlaku apa yang tidak dikehendaki oleh rakyat jelata dalam negara ini dari peringkat yang serendah-rendahnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya datang daripada desa dan bercampur sedikit sebanyak pada golongan pertengahan, saya tahu sangat dalam hal-hal memberi rasuah dan yang menerima rasuah. Saya berterusterang bercakap di sini. Ini bukan untuk membela diri saya, tetapi memandang kepada rakyat yang di bawah, yang mahu membangun, yang mahu menyambut seruan Kerajaan kita yang ada pada hari ini, yang mahu menceburkan diri di tiap-tiap lapangan, maka terdapat kadang-kadang atau ghalibnya permohonan-permohonan mereka itu lewat mendapat layanan, sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya Senator Dr Mahathir ataupun Senator Datuk Nik Hassan tadi.

Saya tidaklah mahu menghuraikan panjang daripada ini, kerana sahabat-sahabat saya telah menyatakan di Dewan yang mulia ini. Saya ringkaskan sahaja. Memang betul terdapat permohonan itu dihantar, umpamanya, pada 1hb Ogos, selewat-lewatnya 14 hari Kerajaan mestilah beritahu kepada pemohon, tetapi jangankan 14 hari sehingga 14 bulan pun kadang-kadang tidak timbul jawapan itu. Dengan demikian, inilah keadaan rasuah itu berlaku. Saya suka mengesyorkan di Dewan yang mulia ini iaitu adalah baik kiranya Biro Siasatan Negara ini dapat pergi ke pejabat-pejabat yang berkenaan meminta segala butir-butir permohonan itu. Bila permohonan seseorang itu tiba, berapa banyak dan berapa haribulan boleh dapat dilaksanakan, barangkali lawatan itu dalam seminggu sekali atau sebulan sekali kita boleh tengok bilangan permohonan itu dapat dilaksanakan.

Ini pernah didapati kerana kadang-kadang mereka ada kawan baik, permohonnya dinaikkan ke atas daripada nombor 30 jadi nombor 7, dia tak terus pergi nombor 1. Dalam satu hari itu naik ke nombor 7 dan

akhirnya pergi ke nombor 1. Jadi tak nampak kecurangan itu. Bijak mereka melakukannya. Kalau permohonan kita ada index number dan dilaporkan kepada pejabat itu, saya rasa, perkara itu tak dapat dilakukan dan kalau pun dilakukan tak mudah. Dan lebih-lebih lagi berkenaan dengan permohonan dari penduduk-penduduk di kampung-kampung, di desa-desa ataupun yang duduk di pekan-pekan kecil yang mahu berniaga dan ada minat dan mahu berusaha, tetapi banyak halangannya. Di dalam rasuah besar yang merosakkan negara sebagaimana yang telah disampaikan oleh sahabat saya tadi tidak payah saya ulangi.

Saya percaya semua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini faham dan mahu negara kita bersih daripada rasuah. Saya beranilah mengatakan kalau terlalu cakap saya ini, saya minta maaf terlebih dahulu, dalam hal rasuah ini, saya rasa, tidak ada di dalam Dewan ini yang tidak tahu rasuah. Sebanyak sedikit mesti tahu, tetapi apakah caranya dan apakah tugas Biro Siasatan Negara ini yang akan menjalankan Undang-undang ini apabila diluluskan dan hendak dilaksanakan tugasnya. Barangkali kalau tidak dapat dilaksanakan 95% saya berharap 90% dapat dilaksanakan dalam negara kita supaya kedudukan negara kita ini yang berbilang bangsa tidak lagi bimbang kepada mereka yang berkenaan. Jadi kita dapat duduk daripada zaman ke zaman sampailah dunia ini dikaramkan oleh Tuhan, hal ini sudah wajib dipercayai oleh setiap orang Islam bahawa dunia ini akan dikaramkan dan digulung oleh Tuhan—namun rasuah tidaklah sebegitu buruk dalam negara Malaysia ini.

Maka itulah sebanyak sedikit yang dapat saya sentuh dan kalau saya tak sentuh rasanya, suatu dosa bagi saya, untuk menyampaikan amanah ini kepada Pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara ini untuk melaksanakan pencegahan rasuah dalam negara kita ini. Apabila telah saya sampaikan maklumat atas perkara ini, rasanya suatu fardu kipayah, suatu bebanan saya telah saya lepaskan. Bahawa siapa yang buat itu saya berharap dapat ditangkap dan jangan ditolong ataupun ada setengahnya itu diberhentikan kerja dan selepas itu menjadi director di sana, jadi director di sini. Jadi apa artinya. Sebenarnya, rakyat yang duduk di

desa ini bukan tidak faham ataupun bodoh, tetapi mereka kadang-kadang berjumpa orang besar itu rasa segan dan malu, bukan dia tidak berani, kerana dia hendak memberi kehormatan. Kalau dibenarkanlah rakyat jelata dapat beri suara sebegitu lantang, barangkali saya rasa ada yang duduk di atas kerusi yang tidak sempat duduk lagi. Itulah maknanya yang dapat saya sampaikan dengan hati yang tulus ikhlas dan jujur.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan Biro Siasatan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu Badan Pencegah Rasuah di masa yang lalu telah membawa banyak kebaikan kepada negara kita walaupun ada perkara-perkara yang tidak memuaskan hati. Dan kita berharap dengan pindaan ataupun dengan tertubuhnya Rang Undang-undang ini yang dinamakan Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara akan membawa kebaikan lagi kepada negara Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, agak saya jarang yang kita dapati undang-undang yang telah diturunkan oleh Tuhan mahupun yang telah ditaja ataupun yang telah diperlembagaikan oleh manusia yang mana undang-undang itu tidak baik. Saya yakin niat perlembagaan, niat satu-satu undang-undang adalah untuk kebaikan, tetapi namun begitu, kedapatan segi pelaksanaannya yang membawa perkara-perkara itu berjalan dengan tidak teratur dan tidak licin.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada sebabnya ialah pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai baik daripada Pengarahnya mahupun pegawai-pegawainya, maka dengan sebab itulah saya mencadangkan supaya pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai, khasnya kakitangan-kakitangan yang akan dilantik oleh Biro Siasatan Negara ini hendaklah betul-betul orang itu yang berugama, amanah dan tidak ketinggalan daripada herperi kemanusiaan. Sebabnya saya kata begitu, kerana badan Pencegah Rasuah untuk menahankan segala benda yang ditegah oleh negara, kita berharap kepada pegawai-pegawai inilah yang akan menjaga keamanan dan menghapuskan segala benda-benda yang diharamkan oleh Tuhan dan diharamkan oleh Undang-undang kita,

tetapi malangnya biasa berlaku dan saya telah kata dalam Dewan ini: harapkan pagar, pagar makan padi, maka dengan sebab itu awasilah dengan sebenarnya.

Saya contohkan di negeri saya di Perlis, saya tidak mahulah sebut satu persatu. Di masa yang lepas kita harap penyeludupan dan rasuah orang inilah yang akan menangkap, tetapi malangnya kepada Pengarah itu kita harap yang kadang-kadang dia sendiri ada diberi tahu oleh kawan—sebelah malam pada sekian jam, dia bersama-sama dengan kereta penyeludup yang berhawa dingin. Jadi, apa orang bawah hendak buat? Tetapi saya bersyukur di akhir-akhir ini ada seorang pegawai iaitu Ketua Pegawai Polis, Perlis sebagai pegawai keamanan yang menjaga segala keamanan di Perlis iaitu Tuan Haji Majid, yang saya dapati cukup memuaskan, amanah dan seorang yang menjalankan tugasnya siang dan malam selain daripada menjalankan tugasnya dalam pejabat sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Othman Abdullah kelmarin. Pegawai semacam ini, saya bersyukur dan saya berharap banyak lagi ada di pejabat-pejabat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu bersetuju sangat sebagaimana kata Menteri yang berkenaan kelmarin, kita akan menghantar surat atau memberi tawaran kepada siapa-siapa yang bekerja di situ. Saya berpendapat misalnya dia seorang polis yang dia tidak harap hendak naik pangkat Koperah apatah lagi Sarjen, tetapi ada setengahnya bekerja dengan baik. Dia bertugas tiap-tiap hari daripada pukul 4.00 sampai pukul 8.00 malam begitulah bergilir-gilir di satu-satu tempat, dia ini boleh diambil, sebab saya percaya kakitangan Biro Siasatan Negara tentulah tidak beruniform, cuma menyiasat daripada satu tempat ke satu tempat, jadi saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan biarlah kita sendiri ataupun jabatan ini sendiri memilih orang-orang yang berkenaan. Janganlah orang itu meminta atau kita beri keistimewaan ataupun mengikut kehendak orang yang berkenaan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan melarat-larat. Saya sebutkan memberi hak memilih itu ialah pegawai-pegawai yang ada sekarang ini yang datang daripada Jabatan Kastam, Jabatan Polis, Jabatan

Perundangan dan lain-lain, mereka itu kita beri pilihan hendak kekal dalam Biro Siasatan Negara ataupun dia hendak balik ke jabatannya. Jadi bagi mereka yang akan datang ini terpujanglah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang memilihnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih. Saya minta kepada Jabatan Perkhidmatan Awam memilih sebagaimana saya katakan tadi orang-orang yang betul berperni kemanusiaan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati juga selain daripada pegawai-pegawai menerima rasuah, ada juga cara yang ditegur oleh rakan-rakan saya tadi yang saya sungguh-sungguh bersetuju iaitu tentang menjalankan tugas. Pada pendapat saya, Badan Pencegah Rasuah ataupun Badan Siasatan Negara ini tentulah akan bertugas dan patut bertugas, bukanlah semata-mata terhadap orang yang mengambil dan memberi rasuah, tetapi tidak menjalankan tugasnya dengan sewajar patut juga diteliti. Sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan, ini saya ulangkan sekali lagi, bukanlah semua—saya bimbang pula jangan-jangan Majlis ini mengatakan yang saya tuduh semua, ada setengah daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalankan tugasnya tidak begitu memuaskan hati. Misalnya, masa pejabat ialah pukul 8.00 pagi sampai pada pukul 12.45 dan pukul 2.00 petang sampai pukul 4.00 petang. Begitulah masa pejabat kita, tetapi malangnya, kadang-kadang pegawai-pegawai yang berkenaan, kalaulah kita hendak kata dia ditugaskan kerja di luar pejabat, tetapi ada di kedai kopi, kadang-kadang biasa ada di tempat-tempat ramai, katalah di Perlis barangkali biasa ada diperhentian bas. Jadi apakah tugas-tugas pegawai yang berkenaan ke situ? Ini kalau pegawai-pegawai bawahan, kalau pegawai-pegawai atasan sedikit sepatutnya mereka berada di pejabat, tetapi mereka ada di kelab-kelab.

Yang keduanya, dengan tidak menjalankan tugas ini kita dapati kadang-kadang pegawai Kerajaan yang berkenaan biasa dia dalam pejabat sepatutnya menyambut tetamu menjalankan fail-fail yang belum selesai, tetapi ada di antara pegawai-pegawai masa pejabatnya leka dengan baca akhbar dan sebagainya. Biasa kedapatan satu orang Ahli Dewan Rakyat, namanya saya tidak payah sebutkan,

dia hendak bertemu dengan seorang ketua pejabat sedangkan biliknya tertutup, pintunya boleh dijengok sedikit sebab ada satu lubang. Hamba Allah ini ketuklah pintu hendak berjumpa dengan Ketua Pejabat ataupun pegawai yang berkenaan. Malangnya jawab pegawai yang berkenaan berkata: "Tunggu sebentar", sedangkan ia masih dengan membaca akhbar. Setelah menunggu 15 minit, dia ketuk lagi, jawabnya: "Tunggu sebentar", sedangkan ia membaca akhbar. Lama-kelamaan orang yang berkenaan terus masuk tetapi nasibnya baik, kerana orang yang berkenaan Ahli Yang Berhormat yang mana yang saya tidak payah sebutkan.

Yang Berhormat menyatakan kalau ada pegawai yang sifatnya macam tuan atau cik puan, lingkuplah negara kita dalam Rancangan Malaysia Kedua yang kita angan-angankan itu.

Ini juga saya anggap adalah satu rasuah iaitu tidak menjalankan kerja dengan betul, masa untuk bekerja patut dia bekerja. Bukan sekadar makan gaji. Agak berat saya hendak mengatakan hal ini, tetapi saya terpaksa menyatakan di sini. Kita tahu negara kita yang terdiri dari berbilang bangsa berkehendakkan kepada sosial, sokan dan sebagainya. Ada bermacam-macam permainan seperti kita dengar semalam bagi orang berpangkat atasan iaitu pegawai-pegawai dan Menteri-menteri main golf. Saya tidak menghalang pegawai-pegawai dan Menteri-menteri bermain golf, kerana dengan permainan golf mereka akan lebih berdiplomasi sebab bercampur dengan diplomat-diplomat dan Menteri-menteri Luar Negeri. Kalau kita tidak buat begitu, badan tidak sihat, cara diplomasi kita kurang, tetapi ada masanya pegawai-pegawai yang berpangkat atas berada di pejabat, tetapi mereka berada di padang golf, pada waktu pagi dia mesti ke pejabat, tetapi ia ke padang golf. Kita tidak larang bagaimana saya katakan tadi, kalau keadaan memaksa untuk menyihatkan badan dan untuk negara, kerana ini adalah permainan untuk orang atasan dan pegawai-pegawai tinggi demi kebaikan negara, tetapi janganlah meninggalkan kerja.

Yang ketiga, kesamarataan pada menjalankan tugas. Saya dapati cara negara kita ini amatlah baik, tetapi ada perkara-perkara yang tidak memuaskan hati kita di antara pegawai-pegawai pangkat tinggi dan pangkat

rendah. malangnya pangkat rendah yang selalu kena tindih, yang selalu terpaksa menjalankan tugasnya. Saya berharaplah penyiataan ini janganlah disiasat kepada pihak di bawah sahaja, tetapi siasatan sama rata bagi segenap golongan pegawai-pegawai yang ada dalam Jabatan kita hari ini.

Yang keempat, saya yakin Badan ini adalah untuk kebaikan negeri kita, tetapi saya berharap kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, kita sebagai rakyat Malaysia, Perlembagaan Malaysia yang menetapkan Ugama Islam sebagai ugama rasmi, saya berpendapat molek sangat kita mencontohi apa-apa yang telah diturunkan oleh Tuhan sebagai undang-undang untuk kita bersama iaitu dari segi menghukum. Saya berpendapat dari segi menghukum moleklah bagi kita menghukum dengan penuh perasaan dan timbang rasa sebagaimana yang dikatakan oleh Datuk Nik Hassan tadi.

Kita tahu ada setengah orang terima rasuah atau mencari wang lebih, atau bekerja cuai, kerana dia cuai, dan ada setengah-setengahnya untuk mencari kelebihan, mencari kekayaan yang terlampau lebih dan ada setengahnya pula yang paling kita sedih untuk memuaskan hawa nafsu. Ada pegawai-pegawai terutama yang pangkat rendah berbuat demikian kadang-kadang tidak tahu, perkara itu terlampau salah, ia terpaksa melakukan perbuatan itu, maka dengan sabitnya kesalahan yang demikian dia dibuang kerja dan kadang-kadang kena hukum beberapa tahun, dengan demikian akan mengakibatkan keluarga yang berdosa tadi iaitu anak-anak atau isterinya yang tidak berdosa hidup merana dan sebagainya.

Saya amatlah berharap kepada pegawai-pegawai yang akan menyiayat atau menjalankan tugas ini sebagaimana saya kata dalam hukum Islam, walaupun sembahyang lima waktu, puasa dan naik haji kepada orang yang berkuasa itu wajib, tetapi boleh juga dilakukan sembahyang lima waktu itu, kalau orang yang tidak berkuasa mengikut cara kadar yang ia boleh. Maka pada pendapat saya pahalanya adalah sama. Begitu juga macam mana saya katakan tadi, saya harap Badan ini akan memberi timbang rasa mengikut keadaan orang yang bersalah itu, bukanlah bererti di sini saya menggalakkan orang itu menjalankan rasuah, atau menjalankan

kerja tidak betul, tetapi kalau keadaan yang terlampau teruk hendaklah dikaji dengan telitinya.

Saya juga berpendapat hukum Islam talak ataupun cerai itu selepas 3 kali tidak boleh rojok semula, kecuali "cina buta"; Saya tidak bersetuju sangat seperti cadangan rakan saya tadi ambil tindakan serta-merta, tetapi kalau boleh Badan ini selain daripada mengambil tindakan terus-menerus, disiasat dan nasihat ataupun beri amaran dahulu sebelum diambil tindakan, sebab manusia ini lupa atau lalai walaupun dipotong gaji, atau diturunkan pangkat.

Yang kelima, dari segi pengambilan pekerja. Saya baharu-baharu ini semasa saya berada di Kuala Lumpur—saya bukanlah jadi Saidina Omar, kerana Saidina Omar cuma seorang sahaja. Tetapi saya teringat kisah Saidina Omar di masa dia menjadi Khalifah dahulu. Dia sanggup berjalan malam, maka kedapatanlah seorang hamba Allah perempuan yang menjerang batu, sedangkan di dalamnya ada batu dengan air yang kosong di samping menunggu supaya anaknya lena dengan tipuan yang di dalam batu tadi dia katakan makanan. Dalam perjalanan ini tahulah Saidina Omar bahawa ada di antara rakyat-rakyatnya yang susah yang patut dia tolong, lantas Saidina Omar sendiri menolong perempuan itu.

Saya kata saya ini bukanlah Saidina Omar. Tetapi sifat saya sebagai seorang Ahli Dewan yang kadang-kadang saya tumpang makan sama-sama dengan orang berjual di tepi batas, elok juga kadang-kadang kata orang kita hendak kena jaga taraf kita, itu pun saya ingat bukanlah tidak jaga taraf, cuma makan secara beli di tepi-tepi kedai, saya dengan seorang kawan bercakap antara satu dengan lain dengan suara yang cukup lantang. Dia kata, Kerajaan hari ini tidak adil. Dia tidak tahu saya siapa. Saya pun tengok dia. Saya seronok dengan hamba Allah ini bercakap. Macam mana hendak adil kata dia, dalam segi pengambilan jawatan, ada kawannya tiga empat orang yang berkelulusan Senior Cambridge, Grade II bila pergi minta kerja, calon yang Grade III dapat kerja, yang Grade II tidak dapat. Kata hamba Allah itu: Lagu itu juga, kerana yang Grade III tadi anak orang yang baik-baik, sedangkan kawannya anak pak tani. Tersenyumlah saya.

teringatlah kesah di tempat saya dahulu bertahun-tahun yang lepas biasa saya sendiri masuk temuduga, kerana dia anak keturunan orang baik, maka anak pak tani itu ketinggalanlah dia, maka

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat itu bercakap nampaknya banyak sangat memberikan insinuation yakni sindiran-sindiran kepada Kerajaan, sindiran mengatakan yang akhirnya tadi orang Grade III dapat kerja oleh kerana dia anak orang baik, orang Grade II tidak dapat, dan soal-soal katanya ada Pegawai Dacrah satu tempat membaca surat khabar, wakil rakyat datang. Saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya memberikan keterangan dengan seberapa jelas dan saya memberikan jaminan bagi pihak Kerajaan, kalau sekiranya ada keterangan yang jelas pihak Kerajaan akan ambil tindakan. Kalau tidak, tidak guna kita merosakkan nama Kerajaan kita; kita merosakkan pegawai-pegawai Kerajaan dengan bercakap secara umum dan lebih daripada itu, kalau kita mengikut hukuman Islam sekalipun, kita mengetahui sesuatu perkara yang buruk, kalau kita tidak adukan kita bersubahat dan dalam hal ini bolehlah saya tafsirkan bahawa oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tahu dan dia tidak memberitahu kepada pihak yang berkenaan, bolehlah dianggap bahawa Ahli Yang Berhormat itu bersubahat sama di dalam rasuah (corruption) yang disebutkannya tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya tidak menuduh Kerajaan sedemikian, tetapi sebagai satu contoh benda yang kita kata baik dinyatakan di sini.

Saya bersetuju dengan pendapat Datuk Nik Hassan kelmarin, kerana bila seorang itu buat dia bersembunyi, masakan Yang Berhormat itu hendak khabarkan. Apa yang saya katakan ini ada kenyataan, orangnya boleh saya sebutkan namanya, tetapi bukanlah di Dewan ini, saya berharap di luar, saya akan bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri secara terus-terang. Tetapi tentang saya katakan jawatan tadi, saya minta maaf, kerana benda itu orang bersimbang di kedai kopi dan apa yang disimbang itu menarik perhatian saya. Saya tidak boleh menunjukkan orang itu, saya tidak boleh bawa, tetapi

yang saya katakan pegawai, saya bolehlah bercerita dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi saya mintalah tidak dalam Dewan ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu menyampaikan kepada saya ataupun kepada Menteri yang berkenaan secara rasmi, secara bertulis supaya pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan, dan saya berikan jaminan dalam Dewan yang mulia ini, kalau sebenarnya ada, maka Kerajaan akan mengambil tindakan dan saya berharap Ahli Yang Berhormat itu mempunyai rasa tanggungjawab yang sepenuh-penuhnya dalam apa yang dicakapkannya tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji sekali lagi, saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi secara seorang sama seorang, sebab perkara ini saya dengar sendiri, saya diberitahu oleh seorang Ahli Yang Berhormat juga. Jadi saya takut jangan-jangan Yang Berhormat itu mengatakan, dia tidak mahu khabarkan dan dia hendak jaga nama dia, saya pula terlibat, tetapi untuk kebaikan kepada bangsa, apa yang kita dengar, saya suka contohkan, itu terpulanglah kepada Menteri sendiri.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, kalau demikianlah halnya, bolehlah saya menganggap bahawa point Ahli Yang Berhormat itu tidak bertanggungjawab.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu kata tidak bertanggungjawab. Kalau sudah Menteri yang berkenaan kata tidak bertanggungjawab, itu terpulanglah kepada Menteri, tetapi sebagai seorang Islam dengan nama Allah saya menyatakan apa yang saya katakan tadi, saya dengar dan saya yakin untuk kebaikan dalam Bil ini ataupun untuk perhatian kepada Menteri yang berkenaan. Tentang Kerajaan, saya mengakui, banyak yang baik, tetapi saya cari benda-benda yang tidak baik untuk diperbaiki lagi supaya bertambah baik. Itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tidak payahlah saya berlawan hujah dengan Timbalan Menteri, elok saya sambung secara ringkas.

Dalam segi pengambilan jawatan ini, saya berharap kepada Biro Siasatan Negara selain daripada kita menyiasat buruh-buruh ataupun pegawai-pegawai yang bergaji rendah, kepada pegawai-pegawai yang berkenaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga patutlah kita ingatkan supaya jangan berlaku kalau-kalau benar yang tidak baik itu sedang berlaku.

Yang akhir sekali, saya berpendapat sebagaimana kata Datuk Nik Hassan tadi tentang permit dan sebagainya. Perkara ini juga saya biasa dengar, kerana saya ini sebagai Ahli Dewan yang juga sebagai seorang petani yang bergaul dengan segenap peringkat. Tetapi saya bimbang bila saya bercakap di sini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bertanya kepada saya pula siapa orangnya. Jadi akan jadi riuh-rendah pula dalam soal permit ini kelak. Saya berharap permit yang dikeluarkan oleh Kerajaan hari ini biarlah mengikut Dasar Ekonomi Baru kita dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Saya tidak begitu setuju kepada rakyat bumiputra ini diketatkan sangat walaupun rakyat bumiputra tidak menjalankan tugasnya dengan baik, syaratnya ia menjalankan tugas, kata orang bersyarikat (company) dengan bangsa lain patutlah kita beri keistimewaan juga, kerana yang kita dapati hari ini ialah permit-permit ini juga. Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kata yang berkenaan Timbalan Menteri minta keterangan lagi.

Ada seorang kawan saya menyatakan dukacitanya bahawa Kerajaan ini memang baik katanya, tetapi masih mengambil rasuah dan mengambil upah kepada orang yang minta permit. Inilah yang ia menyatakan kepada saya dengan menunjukkan bukti-bukti yang cukup. Kepada Menteri yang berkenaan, kalau secara dari hati ke hati, saya sangguplah bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sendiri di luar Dewan, tidak payah saya kata satu persatu di sini.

Kesimpulannya, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya. Negara kita adalah baik, kalau hendak dibandingkan dengan negara yang berjiran dengan kita, saya tidak payah sebut namanya. Saya seorang rakyat Malaysia yang duduk di utara. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua pun faham, boleh dikatakan

Kerajaan Malaysia amat baik sebagaimana kata Yang Berhormat Dr Mahathir tadi kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain yang berjiran dengan kita, tetapi apa yang kita tegur sesudah benda itu baik supaya bertambah baik lagi.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara ini iaitu satu Rang Undang-undang yang mana untuk menubuhkan satu badan penyiasatan yang menggantikan Badan Pencegah Rasuah. Boleh jadi barangkali nama Badan Pencegah Rasuah itu sudah tidak begitu masin lagi, kerana saya berpendapat pada akhir-akhir ini banyak dilaong-laongkan bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak dapat menangkap atau menjala ikan-ikan yang besar cuma dapat menjala ikan-ikan yang kecil sahaja. Barangkali itulah sebabnya kita adakan Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara yang lebih mempunyai kuasa, yang lebih luas daripada Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tafsiran rasuah ini memang sulit hendak diatasi kerana ada bermacam-macam cara. Kadang-kadang rasuah itu ada merupakan persembahan, kadang-kadang rasuah ini berupa cendera mata, ada pula rasuah ini yang berupa sedekah dan ada pula lagi satu rasuah yang saya fikirkan rasuah, iaitu rasuah yang halal. Saya akan menceritakan bagaimana keadaan ini berlaku yang saya katakan rasuah yang halal. Perkara ini banyak berlaku, barangkali boleh jadi semua negeri pun ada berlaku atas perkara ini, iaitu berlaku di dalam soal penguasaan tanah.

Misalan saya katakan seorang yang berkuasa untuk mengeluarkan tanah bagi satu-satu Negeri itu, maka pada masa yang telah lalu mungkin sampai masa sekarang juga, pembekuan tanah ini masih lagi diisytiharkan oleh Kerajaan, tetapi kerana ianya ada mempunyai kuasa, ianya tahu di sana-sini ada tanah kosong, maka ia suruh minta kepada keluarganya sendiri, ataupun minta kepada rakan-rakannya termasuk pegawai-pegawai tinggi, kemudian tanah ini diluluskan.

Ini cara rasuah yang halal, saya kata. Sebulan selepas tanah ini diberi title kepada tuan punya, maka bertukar tanganlah tanah ini dengan harga yang paling lumayan. Rasa

saya, Biro Siasatan Negara patut mengambil perhatian di atas tindak-tanduk pegawai yang melakukan begini, sebab dalam masaalah tanah ini, adalah terlalu sulit, terlalu rumit, di mana-mana sahaja negeri melibatkan perkara tanah ini, tetapi sayangnya bila kita bertanya kepada pihak yang berkenaan bagaimana tanah di Kepala tanah saya itu keluar atau tidak, tuan atau encik. Jawapannya: "Masa ini tanah adalah dibekukan, tidak boleh dikeluarkan". Tahu-tahu tiga empat bulan selepas daripada itu tanah itu telah dimiliki oleh seseorang. Kita tahu seseorang telah membeli tanah itu dengan harga yang lumayan. Rasa saya, ini patutlah Biro Siasatan Negara ini membuat siasatan supaya rakyat tidak teraniaya.

Lagi satu rasuah yang saya fikir rasuah juga, pegawai-pegawai membeli resit-resit daripada kedai-kedai. Ini rasa saya biasa berlaku. Misalnya pejabat itu hendak memberi 10 batang cangkul, tetapi resitnya 100 batang cangkul; yang dibelinya cuma 10 batang cangkul. Ini rasa saya pernah berlaku, tetapi ini payah hendak dibawa ke tengah kalau resitnya ada, atau misalnya sebagai contoh saya seorang gurubesar sekolah. Saya beli baja, katalah baja bunga. Satu bungkus harganya 50 sen atau 60 sen. Bila agentnya datang, "Berapa cikgu hendak? Hendak 100 bungkus, hendak 50 bungkus". "Baik! Kasi saya 50 bungkus, masukkan resit 150 bungkus". Perkara ini, rasa saya, patutlah juga Biro Siasatan Negara ini mengambil pengetahuan, kerana dengan cara yang sedikit-sedikit inilah, rasa saya, yang merosakkan negara kita, yang merosakkan Kerajaan kita. Hari-hari kita ada mendengar bahawa Kerajaan Perikatan rasuah, tetapi bukan Kerajaan yang rasuah—kakitangannya, tetapi yang memikul beban ini ialah Kerajaan yang memerintah hari ini.

Saya tidak berapa setuju dengan rakan saya dari Perlis tadi mengatakan manakala berjumpa tolong maafkan. Rasa saya, ini tidak boleh dimaafkan. Ini tidak ada maaf kepada siapa juga yang telah melakukan perkara ini, itu saya tidak tahu tetapi kita pernah dengar, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya berkenaan dengan rasuah ini Kerajaan Singapura lebih baik pentadbirannya, bukan tidak ada rasuah di Singapura, tetapi lebih baik pentadbiran menjaga kakitangan daripada melakukan rasuah. Kita harap maka Kerajaan kita juga

akan bertindak lebih tegas di mana rahsia-rahsia yang telah dibentangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi, yang mana Datuk Nik Hassan telah membentangkan beberapa perkara dengan lesen dan saya rasa ini adalah dua perkara yang lain daripada perkara-perkara yang telah diterangkan oleh rakan saya tadi, yang saya tahu, yang dapat saya bentangkan di dalam Dewan ini untuk kebaikan Kerajaan untuk pihak yang berkenaan mengambil perhatian dalam perkara rasuah ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membawa ke Dewan yang mulia ini Bil yang bertujuan menubuhkan Biro Siasatan Negara.

Bila saya lihat Fasal-fasal 3, 6 dan juga Tafsiran di bawah Fasal 2, iaitu berkenaan dengan "Undang-undang yang telah ditetapkan," ada di dalam Rang Undang-undang ini, saya percaya tujuan Kerajaan untuk menubuhkan Biro Siasatan Negara ini ialah meluaskan lagi kerja-kerja yang sekarang ini dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah dan juga pihak-pihak Polis bagi menyasiat kes-kes jenayah.

Saya nampak di bawah peruntukan Undang-undang ini Biro Siasatan Negara bukannya bertugas untuk menyasiat kes jenayah rasuah sahaja tetapi juga diberi kuasa, rasa saya, menyasiat kes-kes jenayah yang lain, kes-kes jenayah yang besar.

Dengan adanya Biro Siasatan Negara ini saya percaya maka Biro itu dapat mengadakan satu Badan yang cergas, yang compact, yang boleh bergerak dengan cepat, kerana biasanya, semasa menyasiat itulah masa yang amat penting. Kalau umpamanya kita menunggu pegawai itu datang, kita mengambil masa untuk hendak menyasiat, mungkin apa yang hendak kita siasat itu, orang yang hendak disiasat itu pun sudah lari, atau benda-benda evidence yang hendak kita gunakan pun telah dibinasakan.

Saya percaya dengan penubuhan Biro Siasatan Negara ini, maka Badan itu boleh mempunyai kuasa-kuasa yang agak luas sedikit dari segi penyiasatan. Dia boleh mempunyai pegawai-pegawai yang boleh bergerak dengan cepat.

Saya suka memberi satu contoh. Umpamanya kalaulah kita ambil kes jenayah pembunuhan yang mana rasa saya termasuk juga di dalam penyiasatan yang boleh dibuat oleh Biro Siasatan Negara. Kalaulah satu pembunuhan itu dilakukan di bandar Kuala Lumpur ini, mungkin kita tidak kurang pakar-pakar, pegawai-pegawai Polis yang berpengalaman, yang telah ditempatkan di Kuala Lumpur ini. Mereka boleh bergerak dengan cepat. Mereka kadang-kadang mempunyai anjingnya untuk mengejar, atau mengesan penjenayah tadi, tetapi sebaliknya kalaulah pembunuhan itu berlaku di suatu bandar yang kecil, umpamanya di Bentong, yang mana pegawai-pegawai yang lebih kanan dan yang lebih pakar mungkin tiada di situ. Kes pembunuhan ialah satu kes yang berat juga. Tidak ada bezanya jikalau pembunuhan itu berlaku di Bentong, atau di Kuala Lumpur, tetapi cara menyiasatnya itu ada bezanya. Mungkin di Kuala Lumpur kita mempunyai pegawai-pegawai yang cergas, yang banyak, yang boleh membantu menyiasat pembunuhan tadi, tetapi di Bentong mungkin tidak ada. Selalunya di tempat-tempat kecil ini pegawai polis itu jugalah yang menjadi pegawai trafik, pegawai mengiring, pegawai menyiasat, pegawai mendaftar beranak mati macam-macam tugas dibebankan kepada balai-balai polis yang kecil. Kalau kes jenayah berlaku pihak polis juga yang terpaksa menyiasat. Di sinilah rasa saya dengan penubuhan Biro Siasatan Negara ini pihak Biro yang mungkin beribu pejabat di sini, di Bandaraya Kuala Lumpur, jikalau berlakunya sesuatu kes yang besar-besar yang perlu penyiasatan yang kemas, maka bolehlah pegawai-pegawai daripada ibu pejabat ataupun daripada pusat-pusat yang tertentu dikejarkan untuk membantu bagi menyiasat.

Saya lihat di bawah Fasal 6 ini menyatakan:

"6. (1) Menteri boleh dari masa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan mana-mana Akta, Ordinan atau Enakmen yang mengenainya peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai."

Rasa saya di bawah Fasal 6 ini ada diberi kuasa yang agak luas kepada Menteri. Ini adalah bagus, kerana di sini kita tahu banyak penyiasatan yang tidak boleh berjalan dengan baiknyanya sekarang ini, kerana pihak polis

tidak mempunyai pakar-pakar dan pegawai-pegawai yang terlatih. Umpamanya ada beza di antara pegawai polis yang pandai berkawat atau yang pandai mengarahkan trafik dengan pegawai polis yang menyiasat, umpamanya penyeludupan, atau pengintipan atau pemeriksaan buku. Di sinilah dalam bidang-bidang kuasa yang tertentu yang rasa saya patut kita tugaskan kepada Biro Siasatan Negara.

Umpamanya di bawah undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Official Secret Act) barangkali kita kurang pakar yang boleh menyiasat dengan sebetul-betulnya. Mungkin di dalam bidang ini kita serahkan kepada Biro Siasatan Negara untuk mengadakan satu jabatan kecil di dalam Biro itu dan mengatakan: Ini dia pakar-pakar yang boleh menyiasat dari segi pecah rahsia Kerajaan umpamanya. Dan begitu juga kita patut adakan satu jabatan yang sekarang ini dijalankan oleh commercial crime dan saya minta maaf barangkali commercial crime tidak begitu efektif sekarang untuk mencegah apa-apa juga jenayah commercial yang dilakukan sekarang ini. Cara-caranya telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Dr Mahathir tadi.

Saya suka menyebutkan satu dua perkara lagi yang mana pihak commercial crime ataupun yang saya harapkan satu jabatan kecil dalam Biro Siasatan Negara ini boleh menjalankan penyiasatan ialah dari segi kesalahan umpamanya di bawah Undang-undang Cap Harga (Trade Marks), ataupun di bawah Undang-undang Hak Cipta (Copy Right). Selalu sangat kita dengar yang mana penulis-penulis kita, pelukis-pelukis kita, penyanyi-penyanyi atau recording artist kita telah membuat pengaduan yang rekod mereka, ataupun bukan mereka ataupun karangan mereka telah ditiru secara palsu. Bila mereka mengadukan kepada polis, pihak polis mengatakan mereka tidaklah boleh membuat apa-apa.

Rasa saya, ini satu perkara yang tak patut kita beri alasan sedemikian kepada rakyat kita. Pihak polis ditugaskan untuk membantu, menyiasat kes-kes jenayah yang semacam ini, kalau tidak apa sebabnya kita mengadakan undang-undang itu? Mungkin pihak polis setakat ini tidak mempunyai kakitangan yang terlatih dari segi menyiasat kes-kes seperti yang saya sebutkan tadi, maka di bidang inilah saya harap Biro Siasatan Negara dapat mengadakan satu jabatan kecil di dalam Biro

itu supaya mengadakan pegawai-pegawai yang terlatih yang boleh membantu rakyat yang telah kena tipu samada di bawah Undang-undang Cap Harga, ataupun Undang-undang Hak Cipta seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempohkan sekarang selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.25 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.45 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bidang penyiasatan yang boleh dijalankan oleh Biro Siasatan Negara ini adalah dalam bidang pengintipan. Pengintipan mungkin pada kita sekarang ini oleh kerana kita tidak berperang dengan sesiapa, mungkin tidak begitu penting, tetapi pengintipan itu berlaku setiap masa, dan ini memerlukan pegawai-pegawai yang pakar juga yang tugasnya boleh menjalankan penyiasatan dari segi ini, dan saya rasa, sudah tepatlah bahawa perkara-perkara semacam itu ditugaskan kepada Biro Siasatan Negara. Saya percaya tugas Biro Siasatan Negara ini bukannya sahaja untuk menyiasat kes-kes jenayah yang sudah berlaku, tetapi juga kalau boleh, cuba menghalang daripada berlakunya jenayah-jenayah, atau dalam suatu bahasa yang lain boleh dikatakan sebagai "preventive measure".

Setakat ini di bawah kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Badan Pencegah Rasuah satu tugas yang mereka sedang jalankan sekarang ini ialah menyiasat kes-kes menyeludup di bawah Undang-undang Kastam, dan saya percaya sudah tepatlah perkara-perkara yang semacam ini diserahkan juga kepada Biro Siasatan Negara, kerana ini adalah satu perkara jenayah yang besar yang boleh merugikan hasil negara dengan begitu banyak. Dan Biro ini dengan keanggotannya sebagaimana yang saya katakan tadi yang cergas, yang bijak, maka mereka boleh bukan sahaja mengurangkan penyeludupan-penyeludupan tetapi juga menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kastam.

Saya hendak sentuh satu perkara yang saya lupa hendak sebutkan tadi di bawah penyiasatan jenayah commercial (commercial

crime) iaitu dari segi perbuatan perniagaan apa yang dikatakan sekarang ini "pyramid selling". Ini mungkin disisi perdagangan, tidak begitu teratur, kerana mereka yang menjalankan perniagaan semacam itu sangatlah pintar, sangatlah bijak dan mereka boleh, kadang-kadang mengelabukan mata orang-ramai. Oleh kerana kita tidak mempunyai pegawai-pegawai yang terlatih dari segi untuk hendak menyasat, maka perkara itu tidak dapat dikemukakan ke mahkamah, atau tindakan-tindakan yang tertentu tidak boleh diambil terhadap mereka. Mungkin juga bila Biro Siasatan Negara ini telah ditubuhkan, kalau dalam kajian mereka berpendapat bahawa sesuatu undang-undang patut dikemukakan ke Dewan Parlimen, adalah menjadi tugas mereka juga mengemukakan kepada Menteri yang berkenaan supaya jenayah-jenayah semacam itu dapat dielakkan.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, dan saya berharap kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang akan diberi oleh Menteri di bawah Fasal 6 ini meliputi siasatan jenayah-jenayah yang besar seperti pembunuhan, perompakan, rogol, perkara-perkara yang besar yang mungkin penyiasatan di peringkat polis daerah ataupun polis daerah kecil tidak boleh menjalankannya.

Itulah sahaja pandangan saya, dan saya menyokong sepenuhnya atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang menubuhkan Biro Siasatan Negara.

Saya fikir tidak akan ada berlaku rasuah diseluruh negara kita jikalau tidak ada orang yang memberi rasuah itu. Kelazimannya, orang yang makan rasuah ini sahajalah yang malu kena, tetapi orang yang memberi rasuah itu lebih merbahaya kepada negara dan dia patut didenda lebih berlipat kali ganda lagi daripada orang makan rasuah.

Istilah rasuah ini jauh maknanya; bagi wang-ringgit, harta-benda dan lain-lain lagi. Ini semuanya rasuah. Sepatutnya bukan sahaja kita menghantar kakitangan-kakitangan Kerajaan ataupun Wakil-wakil Rakyat termasuk Ahli-ahli Dewan Negara menghantarkan laporan dari setahun ke

setahun kepada Department of Inland Revenue kita, kepada Biro Siasatan ini pun hendaklah dihantar laporan penuh oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Negara dan Wakil-wakil Rakyat pada tiap-tiap tahun segala pendapatannya yang ada diperolehi pada tiap-tiap tahun.

Saya suka memberi satu contoh iaitu kita berkehendakkan sekurang-kurangnya 30% ekonomi dalam negara kita ini diperolehi oleh bumiputra ataupun orang Melayu di dalam masa 20 tahun. Saya percaya sekiranya rasuah ini tidak berlaku di dalam negara kita ini, perkara itu akan boleh dicapai, selagi ada rasuah ini tentu sekali payah hendak dicapai cita-cita yang kita kehendaki itu.

Saya beri satu contoh, jikalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke Petaling Jaya, di Jalan Kelang, dekat dengan glass factory, Tuan Yang di-Pertua boleh perhatikan berapakah lesen-lesen yang dikeluarkan kepada warganegara ataupun bumiputra, tetapi keistimewaan diberikan kepada orang yang mempunyai kad Pengenalan Merah. Ini satu contoh yang dapat saya berikan.

Lagi satu perkara berkenaan dengan pemandu-pemandu yang mengambil lesen kereta. Orang yang hendak mengambil lesen kereta ini kurang mengambil berat untuk mendapatkan lesennya, tetapi pihak sekolah pemandu (driving school), lebih bergiat lagi untuk mendapatkan lesen itu. Ini satu perkara yang kita mesti berhati-hati.

Begitu juga kita mesti beri kepada Biro ini kebebasan yang seluas-luasnya untuk mengkaji bukan sahaja kepada kakitangan Kerajaan bahkan juga kepada syarikat-syarikat. Ada setengah-setengah syarikat, kita tidak boleh menafikan apabila bumiputra ataupun orang-orang Melayu minta menjadi ejen ataupun minta bekerja umpamanya, jawabnya tidak ada kosong, atau telah diberi kepada orang yang bukan bumiputra. Inilah perkara yang besar hendak saya cakapkan di dalam Dewan ini.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama menyokong Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah berucap menyentuh berbagai-bagai perkara berkenaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Saaid iaitu perkara rasuah ini ada dua perkara iaitu yang menerima dan yang memberi. Kalau tidak ada yang memberi, tidak ada siapa yang akan menerima. Banyak perkara-perkara yang terjadi dalam Badan Pencegah Rasuah, kes-kes yang telah berlaku. Kes-kes ini bolehlah dikatakan keseluruhannya dan sedikit sangat didapati orang yang memberi kena hukum, melainkan orang yang menerima kena hukum. Sungguhpun begitu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Badan itu yang telah dapat mengurangkan keadaan rasuah di negara kita yang mana dibandingkan dengan negara-negara lain tidaklah berapa buruk gambarannya dalam negara kita ini.

Rang Undang-undang ini ialah semata-mata untuk hendak memberi kuasa yang lebih luas kepada Badan Pencegah Rasuah dalam perkara-perkara jenayah-jenayah yang lain. Saya percaya orang yang akan bertugas kepada perkara ini tentulah pegawai-pegawai yang telah dihantar keluar negeri mengambil kursus, tetapi saya dapat tahu apabila mereka itu mengambil kursus di luar negeri, apabila mereka itu kembali maka tidak dapat diamalkan oleh kerana waktu di luar negeri semua perkara yang dikursuskan itu berkehendakan alat-alat yang moden seperti computer dan sebagainya. Jadi keadaan itu apabila dibawa kemari sudah tentu tidak dapat diamalkan kerana alat-alat moden itu kita belum ada lagi. Dengan sebab itu, sudah sepatutnya Biro ini mempunyai alat-alat moden.

Saya beri satu contoh, kalau satu-satu perkara hendak disiasat berkenaan cap jari tangan pada seseorang yang didapati kesalahan yang besar. Menyiasat cap jari tangan ini mengambil masa berminggu-minggu baharulah dapat yang sebenarnya cap jari ini adalah dikehendaki orang yang salah, tetapi oleh sebab kelambatan ini penjenayah ini sudah meninggalkan negeri kita. Kekurangan alat-alat inilah yang menyebabkan kita tidak berapa cekap dalam perkara-perkara siasatan yang semacam ini.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat kita bersama-sama mengatasi masalah ini dan sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara ini diluluskan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara yang ada di hadapan kita hari ini.

Saya percaya, Biro ini boleh menggantikan Badan Pencegah Rasuah yang ada sekarang ini, dan saya berharap Biro ini boleh bekerja lebih giat lagi dan boleh menangkap the big fish.

Badan Pencegah Rasuah yang telah lepas dapat menangkap anak-anak ikan sahaja, ikan besar tidak ada satu pun dapat.

Saya dukacita menyatakan bahawa beberapa tahun yang telah lepas kita biasa mendengar, baik dalam suratkhbar atau dengar begitu bahawa beberapa orang Ahli Parlimen, beberapa orang Menteri, beberapa orang Menteri Besar yang telah terlibat dalam rasuah ini, tetapi tidak seorang pun yang telah dibawa terus ke Mahkamah dibicarakan hingga hari ini. Ini bermakna mereka itu telah terlepas kerana barangkali Badan Pencegah Rasuah itu adalah di bawah Kementerian dan mereka itu ada urusan sedikit-sebanyak dengan Menteri yang berkenaan minta atau begging, maka lepaslah mereka daripada kena tuduhan itu. Oleh sebab itu, saya syorkan kepada Kerajaan bahawa Biro Siasatan Negara ini patut dibuat satu Biro yang independent, maknanya yang tidak bertanggungjawab dengan mana-mana Menteri. Kalau kita boleh buat seperti di Amerika iaitu F.B.I. (Federal Bureau of Investigation) iaitu Biro yang independent yang dia sendiri tidak bertanggung jawab kepada Presiden.

Kita dengar baharu-baharu ini perkara "Watergate" di Amerika semuanya heboh; Nixon sudah kalam-kabut. Maka dengan sebab "Watergate" itulah Ketua Biro iaitu Mr Patrick Gray meletakkan jawatan, kerana dia telah dibabitkan oleh sebab barangkali Presiden itu minta sesuatu, dia tidak mahu, sebab Biro ini independent maka dia letak jawatan. Maknanya F.B.I., ialah satu Biro yang betul-betul bebas. Saya mintalah Biro ini, kalau boleh, Biro yang bebas seperti F.B.I. itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi ramai Ahli-ahli Parlimen kita yang terlibat dalam rasuah ini, kerana saya ada dua tiga orang kawan, dahulu sebelum

mereka menjadi Ahli Parlimen, mereka tidak ada kerja, mereka itu naik basikal-basikalnya pun buruk, kalau hendak dijual \$10 pun tidak laku, tetapi hari ini mereka buat rumah dengan harga \$50,000 beli dua buah rumah batu dan ada dua motokar. Dengan gaji yang kita terima sekarang ini sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara atau Dewan Negeri, bolehkah kita membuat rumah yang berharga \$50,000? Bolehkah kita membeli dua buah motorkah?

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah 14 tahun menjadi Ahli Parlimen dan dalam masa itu sekeping tanah pun saya tidak boleh beli.

Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman: On a point of order. Tuduhan (allegation) atas Ahli-ahli Parlimen. Kalau tidak ada buktinya, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu patut tarik balik tuduhannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuduhan itu adalah umum, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Ini bukan tuduhan, ini generalise, ertinya kalau hendak minta

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dengan bukti, jangan cakap secara umum sahaja.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu panjangkan, kalau saya dikehendaki minta bukti pun boleh, tetapi saya beri generalise sahaja. Kalau saya beri bukti, lebih baik saya menulis terus kepada Badan Pencegah Rasuah. Saya beri keterangan itu kerana ada yang telah terjadi, tetapi saya tidak mahu. Oleh sebab itu, saya minta Biro ini dikuatkan lebih lagi daripada Badan Pencegah Rasuah yang telah lepas, Biro ini hendaklah menyiasat kalau dia tahu ada Ahli Parlimen, yang baharu kaya, di mana dia dapat wang dengan begini banyak dibandingkan dengan Ahli Parlimen. Saya minta Biro ini menyiasat lebih

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut undang-undang yang ada dalam negara kita, Ahli-ahli Parlimen selain daripada yang memegang jawatan di dalam Kerajaan adalah boleh menjalankan perniagaan di dalam negara kita dan sah disisi undang-undang. Oleh kerana itu, kalau sekiranya setengah daripada mereka itu menjadi kaya, maka

kekayaan ini boleh jadi kerana perniagaan mereka, profession mereka atau sebagainya. Tetapi jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada bukti yang mengatakan ada Ahli Parlimen ini kaya kerana corruption, saya sedia menerima aduan dan saya boleh beri jaminan bahawa tindakan akan diambil.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Undang-undang kita ini longgar, jadi itulah sebabnya saya katakan tadi diberi peluang kepada Biro Siasatan Negara ini menyiasat betul-betul. Bila dia tengok orang begitu, kuasanya adalah pergi menyiasat, adakah dia ini kaya kerana dia buat business, corruption atau sebagainya. Jadi kuasa itulah yang saya minta diberi penuh kepada Biro Siasatan Negara dan juga saya minta Biro ini independent, maknanya dia tidak di bawah mana-mana Kementerian, maka dia boleh bekerja dengan berani without fear and favour. Dia tidak takut kepada sesiapa: Menteri ataupun tidak, dia tidak peduli, kerana dia ada kuasa yang bebas. Itulah saya minta, kalau boleh dibuat seperti F.B.I. di Amerika, kerana cara itu adalah sangat-sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya fikir bukan sahaja kita beri kuasa kepada Biro Siasatan Negara bersangkutan dengan jenayah mengenai wang ringgit, tetapi hendaklah juga diberi kuasa yang besar kepada Biro ini yang bersangkutan dengan negara kita seperti spying, treason dan subversive. Ini semua bersangkutan-paut dengan national interest kita. Maknanya Biro ini hendaklah menjaga kebaikan seluruh negara kita. Oleh itu, saya minta Biro ini hendaklah recruit orang seperti yang saya katakan tadi, kerana kalau kita ambil polis sahaja, dia tahu menyiasat secara polis sahaja, hal lain, dia tidak tahu. Barangkali kalau hendak siasat orang yang makan duit mengenai tanah, terpaksa kita melantik orang yang expert mengenai tanah dan sebagainya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Senator, samada ia berkehendakkan supaya Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara menjadi ahli penyiasat di dalam Biro Siasatan Negara itu, kerana tentulah ada Ahli Dewan Rakyat sahaja yang tahu soal Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Saya maknakan kita lantik technical man, professional man masuk dalam Badan ini, tetapi kalau ada Ahli Dewan Negara yang mahu, bolehlah kita lantik. Saya mengesyorkan supaya diambil seorang expert di dalam soal tanah, seorang expert mengenai mining, engineering, dan agriculture, kerana bila kita hendak memeriksa seperti kastam, Pegawai Kastam tahu tentang hal kastam. Jadi, kakitangan Biro ini terdiri dari semua lapangan, orang hendak laripun susah.

Itulah pandangan saya. Kalau Biro ini diperbesarakan tiap-tiap satu branch ada seorang technical adviser, kalau buat contract bersangkut engineering, kalau pegawai itu bukan engineer macammana dia hendak tahu contract ini berapa harganya. Jadi berkehendakkan engineer atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini, dan permintaan saya, kalau boleh, Biro ini biarlah independant, sungguhpun begitu mereka kena memberi tahu segala perbuatannya kepada Perdana Menteri.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Akta yang dibahaskan sekarang.

(Dengan izin) Sir, I entirely agree with what Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Saaid said: if nobody offers a bribe, nobody can take it. So, those who are caught offering a bribe should get double the punishment over those who take it. I know very clearly, Sir, because before the War, I happened to be a Senior Rubber Regulation Officer and I took twenty parties from this country across the water to another territory which is now part of Malaysia and there was no corruption or bribery whatsoever there. None of the Chinese on the big rivers gave any bribe. Some people going with me throughout the area were rather suprised, but I found it very good, because there was no bribe offered and therefore no bribe could be taken. I would recommend, Sir, that the persons found offering bribes should get double the punishment compared to those who take the bribe.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta ini bagi menubuhkan Biro Siasatan Negara dan saya

mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang membincangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I wish to comment on the farsightedness of the Government in proposing this Bill. In a developing country like ours, a Bill of this nature is most necessary for national interests, especially with respect to maintaining the atmosphere of political stability in the country. In this respect, I support the Bill fully. But I wish to raise some comments on the structure and administration of this Bureau.

It is most important for such an important Bureau as this that we must have the right men to man the right places. Hence I would urge the Government to look for a proper man, a man who can get the respect of everyone in this country and from this we can get the right response from the people because, as we see, to look into corruption mainly by officers of the Police Force it is a very difficult job, but with the right response from the people, their job will be very much easier. Hence we would prefer a man who has the reputation of having an integrity which is unimpeachable and preferably with Police experience and with legal background to be appointed, because then I think the response that might be got from the public would be very, very good indeed.

Secondly, if enough powers are given to this Bureau to investigate all sorts of matters with respect to every level of our community, be it governmental, private or public, like the F.B.I. of America where sometimes even government misgivings are investigated, then I think that would create the respectability that is to be given by the public and there again the response in future will be better.

Thirdly, I hope that enough money will be given to run this Bureau. I take it in this way it is an investment because I think that if more money is poured into it, it will return by itself and make itself self-running and in addition it might add more to the Government's coffers. So, in this respect, I hope that the Minister of Finance will not be miserly and hinder the progress of this Bureau by limiting its funds.

I think, in a new Bureau like this, it might be some time before enough officers are found to develop it into a respectable and big

enough organisation. Meanwhile, before one builds up this sizeable organisation, could I suggest that Police Officers be temporarily seconded to help out in matters pertaining to this Bureau.

Another comment I would like to make is that corruption is just like justice. There is a saying that justice is required not only to be done but also seen to be done. Likewise, corruption is also required not only to be not present but seen not to be present. It is very important as this then plays in the mind of a person and his outlook on whether or not there is any corruption here. To cite an example, anyone of ministerial rank should not sit on any private company, especially if this private company has anything to do with government licences. For example, if someone of ministerial rank were to sit on a company and is able to get eighty taxi licences for that company, the question would arise whether or not there is any sort of corruption involved. As I said, we should aim that not only is corruption not present but is seen not to be present. I don't know whether the Bureau would have the time to investigate into this kind of thing, but it most certainly gives rise to suspicion and the main thing is to give this new Bureau, which is so much needed in a developing country like ours, success, and it is most important that it should be given a free-hand—free from any political interference whatsoever. For it to be successful, for it to be trusted, for it to be respected and for it to get the response, it must be seen that there should be no political interference into the duties of this Bureau and whatever its job is, it should not only just go for the "small fishes," but I think it should go for the "big fishes". It would be very encouraging if a few big fishes that pervades all levels of our society could be caught, and I think then the response would come very gradually from the public.

As I have nothing much more to say, I thank you, Mr President, Sir, for giving me this honour.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah lama dibahaskan dan saya mengambil peluang mengikuti perbahasan ini dan mencampuri perbahasan ini, oleh kerana saya memandang Kerajaan telah cukup sedar penyakit-penyakit yang ada dalam negara

yang boleh dan memang merupakan seperti kata pepatah Melayu: "Bubuk memakan lantai". Dan hasil pengalaman itu, saya percaya menyebabkan timbul inisiatif atau daya-tama bagi menyusun semula apa yang kita telah punyai di bawah Akta Pencegah Rasuah, 1961 yang telah dikenali dengan perkataan rengkas B.P.R., dengan menyusun semula dan memberi nama baharu, iaitu Biro Siasatan Negara (National Bureau of Investigation).

Adapun tentang nama ini, dalam perubahan yang baharu ini terlalu sedap kita dengar, sama sedap sewaktu kita menubuhkan negara kita dahulu, iaitu kita seolah-olah menjadi U.S.A. di kawasan Tenggara Asia dengan Singapura sebagai New York. Sama sedap seperti kita mempunyai Senate yang namanya sama seperti Senate Amerika, tetapi kuasanya tidak sama dan nama ini juga, National Bureau of Investigation sama sedap seperti F.B.I. di Amerika, tetapi kuasa dan perlaksanaannya entah bagaimana, tetapi saya harap dan setiap rakyat yang ada adalah ikut mengharapkan bahawa perubahan ini akan membawa perubahan yang benar-benar di dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menyelesaikan kuman yang paling merbahaya sekali kepada sebuah negara, iaitu perkara-perkara yang dibuat dengan penuh kebijaksanaan dan penuh nekat bagi muslihat dan kepentingan keperibadian atau golongan tetapi semuanya itu merosakkan negara dalam jangka panjang dan jangka pendek.

Apa yang saya fahamkan daripada Huraian Rang Undang-undang ini bahawa Rang Undang-undang ini bermaksud menubuhkan Biro Siasatan Negara (National Bureau of Investigation) bagi maksud Akta Pencegah Rasuah, 1961. Ertinya kita baharu sampai kepada kesedaran merubah nama dengan melaksanakan apa-apa yang telah ujud dalam bentuk yang lama di mana dalam Fasal 6 masih menentukan:

"6. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan mana-mana Akta, Ordinan atau Enakmen yang mengenainya peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai".

Semuanya berdasarkan apa yang lama, akan dipergunakan bagi yang baharu ini.

Saya mengharapkan dengan badan baru yang akan ditubuhkan ini haruslah mempunyai semangat baru dan bidang-bidang

kuasa yang baru yang luas dan meliputi segala aspek. Dari keyakinan saya Biro ini patut diujudkan mempunyai kuasa-kuasa yang cukup luas terdiri daripada orang-orang yang bebas, tidak boleh dicampurtangan oleh Menteri-menteri, ertinya tidak ada political interference. Sebaliknya kita mengharapkan ada Menteri yang selalu mengatakan syabas kepada pegawai-pegawai Biro ini apabila dia dapat memberkas dan bertindak mengikut lunas-lunas dan garisan-garisan tugasnya sendiri, mudah-mudahan dengan itu negara ini akan bertambah baik dan akan mendapat hati rakyat seluruhnya mendokong Kerajaan. Tetapi, saya mengharapkan nama ini biar sebesar maksud nama itu sendiri. Kalau boleh Biro Siasatan Negara ini merupakan ibu daripada segala tugas menyiasat di mana kegiatan-kegiatan sabversif yang sekarang ini dalam tugas cawangan khas (special branch) kita harus merupakan tugas badan ini, tugas-tugas menentang espionage, kegiatan-kegiatan spy yang tidak syak lagi memang ada berlaku dalam negara kita ini, kerana negara kita ini strategi tempatnya, maka badan ini merupakan sebagai counter yang menentang kegiatan-kegiatan espionage di dalam negara kita dan menjaga, mengawal dan menyiasat segala sesuatu yang berhubung dengan kegiatan-kegiatan penyalah-gunaan kuasa, korupsi dan sebagainya merupakan satu badan yang mempunyai kuasa dalam semua bidang untuk mencegah segala unsur-unsur yang boleh menghancurkan struktur negara ini. Kalau kuasa-kuasa dapat diberi seperti itu dengan undang-undang yang ditambah kemudiannya, maka nama ini sepadanlah dengan pertukaran nama baru ini dan nama ini mempunyai erti yang sangat besar dalam pelaksanaan dengan syarat kuasa-kuasa yang cukup besar diberi dengan penuh kebebasan bagi menghalang segala aktiviti-aktiviti dari sumber-sumber atau punca-punca yang saya bayangkan tadi.

Di dalam Dewan yang mulia ini telah banyak ahli-ahli bercakap mengenai dengan kegiatan-kegiatan rasuah yang kecil dan yang besar yang memang mudah berlaku oleh sebab-sebab keadaan yang memberi jalan untuk berlaku dan ini adalah satu perkara yang sangat sukar untuk dihapuskan kecuali dengan dua cara. Yang pertama, kita lakukan hukuman yang paling berat yang pernah saya sarankan dahulu di Dewan yang mulia ini dari segi korupsi yang merupakan kekacauan

boleh merosakkan dan boleh meruntuhkan struktur negara, merupakan pengkhianatan yang ulung perusak negara sendiri boleh dihukum maksima sampai hukuman mati.

Ini yang pertama hukuman yang boleh dibuat untuk mencegah dalam jangka pendek. Dalam jangka panjang manusia yang sebenarnya boleh merubah keadaan sedikit-sebanyak dengan undang-undang yang keras, tetapi manusia adalah manusia yang berakal dan berhati, bernafsu masih boleh mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah dia jahat atau baik dengan caranya sendiri. Sebab itu kejahatan demi kejahatan boleh berlaku dan sukar diatasi. Maka dalam jangka panjang harus menjadi satu minat Kerajaan tujuan dan hasrat Kerajaan memperbaiki budi-pekerti rakyat negara ini, memperbaiki cara pendidikan, pembentukan jiwa cinta kepada negara dengan penuh luhur mempunyai keperibadian yang baik dan dengan mereka mempunyai sifat-sifat cinta kepada negara mempunyai keperibadian yang baik, kejahatan dan jenayah akan berkurang jika sekalipun tidak dapat dihapuskan.

Hukuman yang keras yang saya katakan maksima boleh dihukum sampai hukum mati tidaklah kejam kerana hukuman itu dibuat oleh masyarakat bagi kepentingan masyarakat untuk melindungi masyarakat. Jadi, kalau kepentingan masyarakat terancam dan rosak menyebabkan bahaya yang lebih besar, maka menghukum mati kepada satu kejahatan yang merosakkan itu sebagai contoh dan tauladan kepada yang lain tidaklah merupakan hukuman yang paling berat. Misalnya, di dalam Islam mencuri dikerat tangan, kalau mencuri itu betul-betul mencuri, bukan mencuri kerana lapar. Mencuri kerana lapar majikannya boleh dihukum Kerajaan patut gantirugi semuanya, sebab Kerajaan adalah bapa kepada semua rakyat. Orang kata kejam kerat tangan kepada si pencuri, tetapi di Russia dalam satu negara moden, dalam pembangunan moden di bawah pemerintahan komunis, pada mula-mula dahulu mereka bukan kerat tangan orang yang mencuri bahkan dipotong kepala terus, kerana Russia itu adalah Russia sebuah negara yang berdaulat dan dia berhak menjalankan apa yang difikirkan baik untuk negaranya. Soalnya ketenteraman negara. Bagi melaksanakan hukuman yang keras bukan kerana benci kepada satu peribadi,

tetapi dilaksanakan satu hukuman yang keras untuk mententeramkan satu keadaan yang buruk yang berlaku kepada masyarakat yang mengakibatkan kerosakan atau keburukan kepada masyarakat sendiri, tetapi Kerajaan kita tidak sampai begitu. Misalnya di dalam kekacauan menggunakan senjata, rompakan, peras-ugut dan sebagainya ini satu contoh kita boleh bertindak sampai hukuman mati kerana apatah lagi kita masih dalam keadaan dharurat yang ada perintah berkurung (curfew) berjalan dalam negara ini, tetapi kita tidak berbuat begitu. Bilakah kita dapat mencegah kejahatan-kejahatan ini kalau tidak dapat menghapuskan. Saya sekali lagi mengatakan hukuman yang keras untuk mententeramkan keamanan negara bukan bererti pembalasan dendam atau bererti kebencian terhadap peribadi rakyat, tetapi untuk menjadikan tauladan untuk mencegah kejahatan yang membawa kebaikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Biro Siasatan Negara ini yang kita akan tubuhkan dengan bentuk baru, saya harap dapat diluaskan kekuasaannya seperti yang telah saya katakan tadi yang membolehkan mereka menjalankan satu kegiatan yang sungguh-sungguh bertanggungjawab kepada negara dengan penuh kebebasan dan tidak ada campurtangan politik langsung atau tidak secara langsung yang boleh menghalang kegiatan atau mematah hati petugas-petugas yang mahu melaksanakan tugas mereka, maka hendaklah memberi gaji yang lebih menasabah, pendapatan yang lebih lumayan kepada mereka bagi melaksanakan tugas ini dengan baik di samping ada hadiah-hadiah kerana kecekapan dan kesungguhan dalam kerja yang merupakan daya penarik, merupakan iktiar-iktiar bagi menambah kekuatan semangat pekerja-pekerja atau petugas-petugas di dalam Biro ini melaksanakan tugasnya dengan sebaik-baiknya. Tetapi walau apa hal sekalipun bagi maksud kejayaan undang-undang ini atau badan ini perlu dibuat kajian semula kepada semua undang-undang yang berhubung dengannya dan enakmen-enakmen yang berhubung dengannya supaya dapat dikemaskan lebih lagi dan disahkan di dalam Parlimen bagi dijalankan sehingga memberi kesan yang sebenar-benarnya kepada negara kita ini.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang yang telah dibahaskan

daripada semalam dan banyak pandangan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita percaya perkara yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian yang berkenaan. Saya suka menarik perhatian berkenaan dengan Rang Undang-undang yang mana pada masa dahulu dikenali dengan nama Badan Pencegah Rasuah dan pada masa sekarang akan ditukar menjadi sebagai Biro Siasatan Negara.

Tidaklah dapat kita nafikan di mana-mana negara rasuah ini memang ada, bezanya banyak atau sedikit rasuah yang terjadi di dalam negara-negara itu. Kalau kita bandingkan Malaysia kita ini dengan negara jiran kita yang mana kita kadang-kadang lawati, maka kita dapati bahawa rasuah di negara kita adalah kurang daripada negara-negara jiran itu. Tidak payahlah saya sebutkan negara-negara jiran itu, maka siapa juga yang melawat negara jiran yang berhampiran dapatlah tahu bagaimana kedudukan berkenaan dengan rasuah yang terjadi di negara-negara itu.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah menambahkan lagi peraturan-peraturannya. Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak pegawai-pegawai Polis, Kastam dan lain-lain yang telah kita pinjamkan pada masa dahulu. Mereka telah menjalankan tugasnya dengan memuaskan hati dan berkesan, itulah sebabnya rasuah di negara kita hari ini kurang.

Keadaan rasuah ini boleh berlaku disebabkan gaji pegawai-pegawai itu kurang.

Selain daripada itu, kita dapati rasuah yang berlaku di dalam negara kita ini kerap kalinya kita dapat lihat tangkapan-tangkapan yang dilakukan ialah kepada pihak-pihak yang menerima rasuah sahaja, tetapi bagi pihak yang memberi kurang sangat kita dengar yang ditangkap. Perkara ini bagi pihak badan yang baru ditubuhkan ini akan dapat mengesan apakah sebabnya yang si pemberi ini kurang ditangkap, hanya orang yang menerima sahaja selalu ditangkap. Saya suka membawa perhatian kepada Kementerian ini iaitu sudah sepatutnyalah Kementerian ini pada pendapat saya iaitu sagu hati kepada orang-orang yang memberi maklumat sehingga mereka yang rasuah itu dapat ditangkap hendaklah diletakkan, semoga

dengan cara begitu menarik orang-orang memberi maklumat-maklumat sehingga dapat tertangkapnya mereka yang memberi dan menerima rasuah ini.

Penyakit rasuah ini memanglah satu penyakit yang menjadi satu bebanan yang berat sekali kepada negara kita ini. Kita tahu di negara kita ini yang banyak berlakunya rasuah ini ialah kebanyakannya di pejabat-pejabat yang ada hubungan dengan perniagaan-perniagaan seperti Kementerian-kementerian Perdagangan, Pengangkutan, Pejabat Tanah, Polis dan Kastam.

Di sini kerap kalinya kita dapati pada masa yang telah lalu banyak tangkapan-tangkapan yang berlaku, disebabkan tempat yang begini ada hubungan dengan orang-ramai dan kewangan. Kita percaya di dalam Jabatan-jabatan yang begini boleh dikatakan pihak Ketua Pengarah atau orang-orang yang di dalam Pejabat itu memang tahu yang kerap kali kakitangan-kakitangan di dalam Pejabat itu sendiri yang menerima rasuah, tinggal lagi segan ataupun tidak mahu memberitahu kepada pihak yang berkenaan.

Saya percaya, kalau sekiranya Kerajaan kita dapat berhubung rapat dengan tiap-tiap Kementerian atau pejabat-pejabat yang berkenaan ini dan orang-orang yang kita harap yang akan dapat membuat hubungan yang rapat dengan Biro Siasatan Negara ini, maka saya percaya perkara ini dapat diatasi dan dapat pula menjauhkan daripada rasuah di dalam Jabatan-jabatan itu.

Kita percaya orang-orang yang akan memberi maklumat-maklumat itu samada tulisan itu dengan tidak bernama atau bernama tidak diseretkan ke mahkamah. Maka dengan cara yang sebegini dapatlah bagi pihak Badan Pencegah Rasuah ini menerima maklumat-maklumat dan dapat mengatasi masalah ini dengan cara hubungan yang rapat sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan nama yang baru ini dan dengan tugas-tugas tambahan yang telah diberi kepada Biro Siasatan Negara yang baru dalam Rang Undang-undang ini akan dapat dijalankan dengan lebih giat dan lebih licin lagi perkara rasuah ini. Mudah-mudahan negara kita ini akan terjauh daripada penyakit rasuah yang terlalu seperti saya sebutkan tadi ada

negara-negara jiran yang kita nampak ataupun kita perhatikan benda itu berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini. Sungguhpun ramai Ahli Dewan ini telah memberikan pandangannya, saya juga turut bersama memberikan pandangan, tetapi berlainan sedikit dengan apa yang dicakapkan oleh rakan-rakan saya tadi.

Saya rasa adalah tepat dan kena pada masanya Kerajaan membuat Undang-undang ini dan Kerajaan akan dapat menjalankannya dengan licin, sebab kita tahu sesuatu benda yang akan dijalankan oleh Kerajaan tidak payah kita timbulkan soal-soalan yang lebih panjang di dalam perkara yang difikirkan oleh Kerajaan.

Saya hanya meminta kepada Menteri yang berkenaan jika dicampakkan jala itu untuk menangkap ikan, biarlah ditangkap sama ikan besar atau kecil yang masuk di dalam pukat itu dan manakala tertangkap jangan dilepaskan ikan besar itu sama seperti anak-anak ikan bilis juga.

Seperka lagi, kata sahabat saya tadi dia tidak puas hati ada Ahli-ahli Dewan ini yang telah kaya-raya dan senang-lenang, tetapi janganlah kita selalu menuduh seperti itu, sebab ada setengah Ahli Dewan ini yang miskin seperti saya tidak ada mempunyai rumah. Saya tidaklah suka tuduhan-tuduhan itu keluar berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini. Dan lagi saya minta kepada Menteri yang berkenaan, Biro ini hendaklah menjalankan siasatan dengan sehalus-halusnya. Kita tahu di masa Kerajaan British dahulu, kalau seseorang itu membuat kesalahan jenayah, membunuh atau membawa senjata api, maka orang itu tidak lepas, Kerajaan akan cari sehingga dapat ditangkap orang itu.

Pada hari ini, Biro ini hendaklah melaksanakan tugas-tugasnya dengan tegas, janganlah kita luluskan undang-undang ini, selepas itu Biro ini senyap-sunyi sahaja, siapa yang sebenarnya salah tidak ditangkap.

Sahabat saya yang baru bercakap tadi berkata iaitu hendaklah memberi maklumat samada bertulis atau tidak. Saya fikir banyaklah orang yang akan kena tangkap,

sebab kalau seseorang itu benci kepada mana-mana Menteri, dia beri surat kepada Perdana Menteri, Menteri itu akan kena tangkap. Saya harap perkara itu tidak berlaku. Siasatan hendaklah dijalankan dengan sehalus-halusnya. Dalam hal ini, kalau saya tak bercakap, Dewan ini mungkin mengatakan kaum wanita pun suka adanya rasuah, tetapi sebagai seorang wanita, saya tidak ingin di negara yang permai ini masih ada lagi rasuah terutama di Pejabat-pejabat Kerajaan. Sekianlah ucapan saya.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa Rang Undang-undang ini menjawab, biarlah saya bercakap sepatah dua berkenaan dengan Bil ini, kerana ada sangkut-pautnya juga dengan Jabatan saya kalau dipandangkan pada Seksyen 5 iaitu Pengarah atau Director-General Biro ini ialah juga diberi kuasa sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Peguam Negara adalah Pendakwa Raya di dalam Perlembagaan yang menyatakan: Maka berhaklah Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya berhak atas timbang-tiliknya pada menjalankan apa-apa tuduhan atau menarik apa-apa tuduhan di bawah undang-undang. Maka saya telah memberi arahan dan kebenaran kuasa kepada Pengarah ini menjalankan tugasnya tanpa apa-apa control atau sekatan dari saya atau daripada mana-mana pihak juga sekalipun Perdana Menteri. Dengan tujuan inilah kita pada masa dahulu pihak Polis sahaja yang menangkap berkenaan dengan rasuah ini, tetapi Kerajaan telah mengadakan Biro ini supaya boleh berjalan dengan seberapa bebas, kemudian diberi lebih kuasa lagi dari semasa ke semasa dengan dipinda undang-undang ini dengan meninggikan hukuman-hukumannya, diberi kuasa yang lebih luas. Dan hari ini, kita membawa satu undang-undang memberi kuasa lebih luas lagi supaya perjalanan undang-undang ini dapat berjalan dengan lebih berkesan.

Negara kita ini, kita sedia maklum adalah diperintah dengan cara demokrasi dan di bawah undang-undang. Perlembagaan ada menyatakan seseorang itu cuma didapati bersalah apabila telah dibicarakan dan dihukum di mahkamah, yang bermakna berkehendakkan keterangan yang cukup di

mahkamah, diberi peluang mereka itu dibela oleh peguamnya yang dipilihnya dan kemudian barulah dihukumkan dia samada salah atau tidak. Inilah yang menyusahkan perlaksanaan hendak membasmi rasuah ini, kerana kita semua maklum iaitu yang memberi rasuah itu mendapat keuntungan dan yang menerimanya juga mendapat keuntungan. Dengan kedua-duanya mendapat keuntungan dari mana kita dapat maklumat, melainkan dengar cakap-cakap angin, saya dengar orang kata begini-begini. Inilah yang timbul. Kalau ada maklumat yang selalu terima dalam pengalaman saya begini lama dalam Jabatan ini ialah daripada mereka yang keciwa, apakala telah memberi rasuah beberapa kali didapati tidak berhasillynya, selepas itu barulah dia datang mengadu.

Pendeknya, tindakan yang akhir. Tat kala itu apakala dibela di dalam mahkamah senang sahaja peguam yang membela orang yang dituduh itu mengatakan iaitu yang mendakwa itu sakit hati, dengan sebab sakit hati didakwa. Kalau dia dapat hajatnya dia tidak dakwa, jadi selalu kes seperti itu tidak sangkut. Di manakah hendak disalahkan? Saya rasa bukan senang seorang itu hendak memberi maklumat dengan sukarela, ada di antaranya takut tindakan balas dan lain-lain. Itulah yang menyusahkan pegawai Biro ini menjalankan tugas-tugasnya.

Dari segi undang-undang kita telah pinda dengan begitu luas dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai itu begitu luas. Saya ingat lagi masa membawa Undang-undang itu di sini iaitu adalah satu kesalahan jika seseorang itu cuba menyatakan hendak memberi rasuah kepada seorang Wakil Rakyat atau pegawai Kerajaan, baru bercakap sahaja sudah menjadi satu kesalahan. Berapa orang yang telah ada merepot yang mendapati seorang yang cuba bercakap hendak memberi rasuah. Saya hendak bertanya di sini. Saya percaya ramai samada Ahli Yang Berhormat atau pegawai Kerajaan ada orang minta: tolonglah saya, saya akan beri sekian banyak, kalau dapat peluang. Kebanyakan jawapannya janganlah dibuat, perkara itu salah, pergilah balik. Sepatutnya ditangkap orang itu atau direpot dengan polis.

Yang kedua, sesiapa yang hendak memberi rasuah kepadanya tidak merepotkan kepada pihak Polis atau pada Biro yang kita tubuhkan ini adalah juga satu kesalahan, dan

berapakah repot yang kita dapat seperti itu? Saya ingat dahulu banyak Ahli Yang Berhormat mengecam dalam Parlimen menatakan sangat luas kuasa kepada undang-undang ini dan sangat merbahaya. Boleh jadi kita gunakan seorang itu kepada Ahli Yang Berhormat sebagai umpan mengatakan dia hendak beri rasuah, dan didapati dalam dua hari Ahli Yang Berhormat tak datang ke mahkamah, direpotkan Ahli Yang Berhormat itu senang dan nyata kalau kita ada tape-recorder yang kita sediakan atau lain-lain bugging umpamanya, boleh kita aniaya dalam perkara ini; tetapi sungguhpun, kuasa begitu luas tidak sekali-kali dijalankan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Pendek kata dari segi kuasa sudah tak ada jalan lagi, cukup luas kita beri. Tak ada undang-undang yang saya fikir dalam mana-mana negeri di dunia ini, kalau dibanding dengan undang-undang Pencegah Rasuah Malaysia kita yang telah kita buat begitu ketat. Pada pendapat saya kalau kita pandang pada angka-angka yang saya terima iaitu masih sulit, tiap-tiap bulan yang saya dapati dari Badan Pencegah Rasuah berapa orang yang ditangkap, berapa yang dihukum, telah nampak kesannya yang dikatakan iaitu semenjak tertubuhnya Badan ini sangat kurang yang tertangkap.

Itulah sebabnya dengan kurangnya kes ini dibawa ke mahkamah, orang ada menyatakan mengapakah Biro Siasatan Negara ini sekarang nampaknya tidak bekerja dan tidak banyak kes lagi. Sebenarnya, perkara ini telah berkurangan, bukannya bertambah. Ada yang menyatakan pihak yang berkenaan dengan menjaga hasil negeri seperti polis, kastam, cukai pendapatan dan lain-lain adalah terbuka kepada mereka itu tentang rasuah. Itu sebetulnya, tetapi kita boleh pandang yang telah lalu beberapa banyak kes yang besar-besar yang kadang-kadang sampai sejuta ringgit, beratus ribu ringgit yang telah ditangkap oleh pegawai-pegawai kita, dan kadang-kadang kita dengar tiga pikul candu yang telah ditangkap. Kalaulah mereka itu tidak jujur, berapakah rasuah yang dapat, kalau dilepaskan? Di sini kita mesti pandang iaitu boleh dikatakan 99% pegawai-pegawai yang menjalankan kerja-kerja dengan jujur, kalau tidak hasil Inland Revenue kita tidak bertambah hasil kastam banyak bertambah. Janganlah kita kecam dengan tidak tentu hala, padahal mereka itu menjalankan tugasnya, ada satu dua kata orang "kambing hitam" itu yang memanglah kita perhatikan.

Dalam Biro ini ada pegawai polis, pegawai kastam, kerana mereka itu cukup mahir dengan cara-caranya, kalau ada pegawai-pegawainya membuat rasuah dia tahu bagaimana caranya. Itulah sebab kita ada pegawai kastam, pegawai polis dan jabatan-jabatan lain dalam Biro ini yang tahu selok-belok segala kerja yang dijalankan Biro ini.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Amaluddin, saya terpaksa juga menjawab di sini, iaitu minta meninggikan hukumannya, kerana dalam Islam walaupun kita hukum dengan berat seperti potong tangan dan lain-lain dan hukuman mati kalau boleh, bahkan pada satu masa kelak, kalau kita jalankan boleh mengurangkan perkara ini. Itu betul menambahkan berat hukuman, boleh mengurangkan hukuman yang ada ini dan ini sudah cukup berat, tetapi kalau satu masa kelak kita fikirkan hukuman ini tidak didapati, kita akan pinda dan bawa lebih berat lagi. Tetapi kalau hendak bawa hukum Islam sekalipun, kita tahu iaitu hukum Islam itu banyak jenisnya saya terpaksa nyatakan di sini sungguhpun saya tidak sangat mendalam dalam hukum syarak ini.

Ada empat jenis hukum agama Islam; kifarar berkenaan dengan agama seperti dam dalam ibadat Haji.

Yang keduanya hudud iaitu jenayah dan harta.

Yang ketiganya, kisas berkenaan nyawa dan badan orang. Misalnya kalau satu orang itu memotong tangan dengan niat sendiri hendak memotong tangan seorang yang lain di kiskan balasan potong tangan.

Yang keempatnya, takzir dan rasuah adalah termasuk dalam bahagian empat. Islam tidak ada hukuman mati dalam perkara takzir.

Saya tahu, sebab semasa saya di Mekah dahulu saya tahu rasuah pun ada di sana. Saya bertanya, rasuah banyak berjalan di sini tetapi tidak ada nampaknya hukuman sebagaimana yang kita pandang. Nampaknya walau di negeri Islam sekali pun, kalau mencuri dia kata potong tangan. Saya kata nampaknya perkara rasuah ini lagi banyak. Tidak ada nampaknya kesalahan di sana, kalau ada pun kesalah adalah hukumannya mengikut hukum yang dibuat oleh Kerajaan.

Saya fikir Undang-undang yang ada pada masa ini dan hukuman yang ada ini telah cukup berat, walaubagaimanapun sekiranya hukuman itu tidak memuaskan atau tidak mengurangkan jenayah rasuah ini, Kerajaan tidak ragu-ragu akan membawa pindaan dan meningkatkan hukuman yang lebih berat pada masa akan datang.

Itulah sahaja yang dapat saya jawabkan di Dewan ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan dan syor-syor yang membina dalam Dewan Negara ini.

Saya perlu mengulangkan lagi iaitu rasuah ini adalah satu perkara yang di dalam negara kita ini memang ada, tetapi jika dibandingkan dengan kebanyakan negeri-negeri yang lain, terutama sekali di negeri-negeri di Asia dan di Afrika, ataupun selalunya disebutkan negeri-negeri yang membangun, bahkan di dalam negeri-negeri yang telah maju sekalipun, kalau kita bandingkan rasuah di negeri kita ini sangatlah sedikit dan sangat terkawal. Walaupun begitu pihak Kerajaan adalah mengambil berat tentang perkara rasuah ini dan oleh kerana itu, maka pihak Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Rasuah ini bolehlah juga kita bandingkan dengan suatu profession yang lain iaitu pelacuran. Perkara rasuah ini adalah satu perkara yang sangat payah yakni sebelum ada rasuah itu mesti ada dua pihak; pemberi dan penerima, dan kedua-duanya mendapat untung. Sebagaimana pelacuran begitu juga yang menjadi perempuan lacur ini dia dapat untung iaitu dapat duit, yang lelaki pergi kepada pelacur ini walaupun keluar duit, tetapi dia seronok jadi kedua-duanya untung, itulah sebabnya mereka senyap-senyap. Begitu juga rasuah ini. Memang susah hendak membasmiakan sebagaimana pelacuran, kerana kedua-kedua pihak itu untung. Cuma yang sangat mengambil berat ini pihak ketiga yakni pihak Kerajaan, dan pihak Kerajaan pula kalau tidak ada laporan, tidak ada maklumat dan tidak ada aduan tentulan susah. Walaupun begitu pihak Kerajaan dengan seberapa dayanya cuba hendak membanteras rasuah, tetapi selagi

ada dua pihak ini yakni pemberi dan penerima, maka tidak dapatlah hendak dihapuskan 100%, tetapi pihak Kerajaan adalah sentiasa bekerja.

Ada tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat mengatakan Rang Undang-undang ini berubah nama sahaja; apa yang ada itu perkara lama. Ada pula Ahli Yang Berhormat mengatakan tidak ada disebutkan kuasa-kuasanya. Saya suka menyatakan iaitu banyak perbezaan antara Rang Undang-undang ini dengan Undang-undang yang ada, pertama sekali kuasanya itu adalah sangat luas, sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

Yang keduanya, kuasa ini boleh ditambah dari satu masa ke satu masa hingga tidak terhad, hadnya ialah Perlembagaan, selagi dibenarkan oleh Perlembagaan kita, maka selagi itu kuasa itu boleh diberi oleh Kerajaan kepada Biro ini, ertinya hadnya ialah selagi diluluskan oleh Perlembagaan kita. Jadi bagaimanakah hendak ditambah kuasa yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya fikir kuasa ini adalah terlalu luas dibukakan sehingga menjadi sesuatu persoalan di Dewan Rakyat dahulu ada disebutkan kebimbangan iaitu bimbang negara kita ini menjadi negara Gestapo. Ada pandangan daripada seorang atau dua orang Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan tiap-tiap pejabat itu hendaklah diadakan pegawai Biro ini untuk menunggu, menengok, mengikut dari belakang dan mengintip tiap-tiap pegawai. Jadi yang dibimbangan ini takut negara kita berlaku sebagaimana negara Jerman di masa Hitler dahulu yakni Gestapo sana-sini, tidak ada lagi privacy semua diikuti oleh Gestapo. Begitu juga di negara kita di masa Jepun ialah kuasa Kempitai. Kalau diikutkan kehendak setengah daripada Ahli Yang Berhormat supaya pegawai-pegawai Biro ini berada di tiap-tiap pejabat menengok daripada belakang apa yang orang buat, apa failnya, berapa cepat, berapa lambat, maka ini selain daripada membebankan negara kerana terlalu banyak menggunakan tenaga dan menggaji pegawai-pegawai Biro ini, maka boleh jadi negara kita akan menjadi negara Gestapo. Dalam perkara Biro ini, kita tentulah kena mencapai keseimbangan. Kita hendak ketatkan kawal terhadap rasuah oleh Biro ini dan lain-lain penyiasatan lagi dan berasingan dengan itu

kita tidak hendak juga negara kita ini menjadi negara Gestapo, sebagaimana yang berlaku pada setengah-setengah masa pada setengah-tengah negeri lain.

Ada disebut tentang Badan Pencegah Rasuah selama ini berjalan. Banyak salah faham dan banyak keliru. Saya suka menyatakan di sini Badan Pencegah Rasuah ini pada masa yang telah lalu sehinggalah digantikan dengan Biro ini adalah satu badan yang bebas menjalankan pekerjaannya dan pihak Kerajaan ataupun Menteri-menteri tidak campur tangan dalam perkara yang hendak dibuatnya, siapa yang hendak disiasatnya dan siapa yang hendak dihadapkan ke mahkamah tidaklah diganggu oleh Kerajaan.

Jadi timbul soalan kenapa dahulu banyak publisiti, kenapa sekarang ini senyap? Ini ialah oleh kerana perubahan dasar. Sekarang ini Badan Pencegah Rasuah ataupun mulai daripada bulan Julai, Biro ini menjalankan kerjanya lebih merupakan mencapai hasil dan tidak bercakap banyak. Dan saya bolehlah menyatakan di sini saya menguatkan apa yang disebutkan oleh Peguam Negara tadi, saya mengetahuinya sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya menerima laporan daripada Badan Pencegah Rasuah dahulu tiap-tiap bulan dan saya dapat tahu siapa yang ditangkap, siapa yang diturunkan pangkat, siapa yang dibuangkan kerja dan bermacam-macam lagi, dan orang ramai hanya dapat tahu, jika perkara itu dihukum di Mahkamah dan disiarkan dalam suratkhbar. Tetapi kalau tindakan tatatertib atau disiplin Jabatan dan sebagainya, maka tidak disiarkan dan ini yang sebenarnya untuk menjaga kepentingan awam. Kalau tidak berbagai-bagai perkara yang mungkin timbul, misalnya tuntutan ganti rugi, saman malu dan sebagainya.

Dan kita pula hendak menjaga maruah orang-orang yang berkenaan samada Pegawai-pegawai Kerajaan ataupun orang-orang awam, sebab itulah kita rahsiakan dan saya bolehlah memberikan jaminan berdasarkan apa yang saya tahu bahawa tiap-tiap bulan ada sahaja orang yang ditangkap, ini bukanlah sahaja anak-anak ikan bilis, tetapi orang-orang besar, orang-orang kaya termasuk juga orang yang kecil-kecil.

Dan sukalah saya menegaskan di sini tindakan Badan Pencegah Rasuah ini tidak terbatas kepada ikan-ikan kecil. Sekadarkan

tidak diheboh-hebohkan tidak disiarkan. Satu perkara bila menyebut bila mengkeritik Badan Pencegah Rasuah dan akan datang mungkin dikeritik Biro. Saya suka menegaskan di sini orang-orang yang bekerja di dalam Badan Pencegah Rasuah atau Biro ini adalah orang-orang yang berkelulusan, orang-orang yang berkebolehan, kalau kita mengecam dan mengkeritik mereka secara tidak adil, seolah-olah kita tidak mengenang budi mereka yang telah berkorban. Setengah daripada mereka adalah orang yang lulus undang-undang, kalau mereka berhenti daripada Badan Pencegah Rasuah atau Biro ini, mereka membuka perniagaan undang-undangnya mereka boleh jadi millionaire, tetapi demi kepentingan negara, mereka tetap kekal bekerja di dalam Biro.

Saya berharap dalam mengecam, mengkeritik, atau mengemukakan pandangan-pandangan janganlah sampai tidak seimbang. Pengorbanan mereka, jasa mereka kita lupakan, kita patut ingat di dalam negara kita ini Ahli-ahli Parlimen merupakan sebahagian daripada jentera negara kita, sebahagian lagi adalah Pegawai-pegawai Kerajaan. Kalau kita mengecam mereka secara melulu, padahal mereka ini orang-orang yang berkelulusan dan berkebolehan, mereka akan meninggalkan jawatan-jawatan Kerajaan, apa akan terjadi? Dan yang saya bimbangkan daripada keritik Ahli-ahli Yang Berhormat ini seolah-olah tidak ada baiknya Pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah ini.

Saya bimbang, kita tidak akan dapat cukup pegawai-pegawai pada masa akan datang. Kalau mereka itu tahu bahawa mereka tidak akan pernah diberikan terima kasih oleh rakyat, oleh Wakil-wakil Rakyat atau oleh Ahli-ahli Parlimen, maka orang yang siuman akan susah pergi kesitu, akhirnya daripada perbincangan kita yang tidak seimbang dan tidak adil, maka rancangan kita menghapuskan kegiatan rasuah ini akan kecewa, dan ini kalau sekiranya berlaku, saya terpaksa meletakkan sebahagian daripada tanggungjawab ini kepada setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat juga.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah secara umumnya jawapan saya dan kalau saya hendak jawab banyak sangat, dan kalau diizinkan saya teliti satu-satu point mana yang saya fikirkan perlu diulas satu persatu, maka saya ulas sedikit, kalau tidak itu adalah diambil perhatian.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Yaacob mengatakan bumiputra sahaja yang banyak ditangkap kerana terlibat dalam rasuah, saya sukalah memberikan jaminan ini adalah tidak betul. Sesiapa juga samada bumiputra, tidak bumiputra, orang Melayu, orang India, orang Cina atau orang Islam, tidak Islam, mana yang terlibat dalam rasuah ditangkap. Undang-undang Rasuah ini tidak mengira, jadi kesan atau impression Ahli Yang Berhormat itu tidaklah betul. Tentang erti rasuah, perkara rasuah ini, Yang Berhormat Tuan Haji Othman Abdullah mengatakan patut kita nasihat dahulu, main saikoloji dahulu, baharu ditangkap. Saya sukalah menjelaskan, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu dia sembahyang Jumaat tidak berhenti, dan kalau ada kalanya dia uzur pun dia dengar radio tentang khutbah Jumaat, saya fikir di masjid-masjid ini pun dihutbahkan juga fasal rasuah samada di Masjid Negara ataupun di masjid-masjid lain di negeri-negeri, jadi tentang nasihat itu, saya fikir sudah cukup. Sekadarkan hendak masuk atau tidak hendak masuk dalam kepala sahaja, hendak pakai atau tidak hendak pakai nasihat itu. Sekarang ini apabila nasihat sudah cukup diberi, bila langgar juga, kita tangkap. Tentang nasihat ini memang sudah banyak diberikan, bahkan di radio, di televisyen selalu juga disebutkan bahkan disiaran-siaran radio dan televisyen ada diforamkan, diceramahkan perkara rasuah, bahkan ada kalanya fatwa-fatwa oleh ulama-ulama pun diberikan juga melalui radio dan televisyen tentang rasuah ini. Saya fikir tentang nasihat ini sudah cukup.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan berkata kuasa-kuasa bagi Biro ini tidak disebutkan. Saya sukalah menyebutkan diperenggan 5 ada disebutkan kuasa-kuasanya, kalau kita fahamkan benar-benar sangat luas dan juga tidak disebutkan apa tambahan kuasa, jadi saya mengesyorkan Ahli Yang Berhormat itu bacalah perenggan 6 (1) dan 6 (2) di situ ada disebutkan akan tambahan-tambahan yakni Menteri yang berkenaan boleh menambah dari semasa ke semasa dengan menggezetkan kuasa-kuasa itu.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan mengatakan tadi iaitu kita menukarkan daripada Badan Pencegah Rasuah kepada Biro Siasatan Negara atau B.S.N. ini adalah kerana Badan Pencegah Rasuah sudah gagal. Yang sebenarnya saya

mengatakan bukan kerana Badan Pencegah Rasuah gagal. Yang sebenarnya oleh kerana sebagaimana yang telah disebutkan oleh Peguam Negara tadi tentang perkara-perkara rasuah ini adalah berkurangan, oleh kerana tindakan-tindakan yang dijalankan selama ini sekadarkan tidak diheboh-hebohkan kepada umum, di dalam akhbar-akhbar ataupun di majlis-majlis umum, oleh kerana itu, maka pihak Kerajaan memikirkan meluaskan lagi pekerjaannya yakni tidaklah terbatas kepada perkara-perkara yang biasa yang kita anggap rasuah selalunya.

Biro ini kita perluaskan kuasanya dan dia akan menyiasat perkara-perkara yang lebih luas lagi daripada rasuah, yang ditugaskan daripada satu masa ke satu masa oleh pihak Kerajaan, dan dengan ini saya menyatakan bukanlah dengan kerana Badan Pencegah Rasuah ini telah gagal, tetapi oleh kerana perkara rasuah ini adalah dalam kawalan dan oleh kerana itu pihak Kerajaan berfikir mustahaklah diperbesarkan rangka penyiasatan ini, sebab itulah kita bawakan Rang Undang-undang ini.

Berkaitan dengan syor daripada Senator Kamarul Ariffin yang disebutkan itu tadi, perkara ini sukalah saya menyatakan perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sudahpun dikaji oleh Biro ini dan akan dijalankan dari satu masa ke satu masa apabila sampai masanya. Ertinya scope tau cara penyiasatan dalam bidang commercial crime ataupun jenayah perdagangan dalam bidang penyiasatan-penyiasatan yang tertentu dan lain-lain ini sudah dikaji dan sudah ditimbang oleh Biro ini dan akan dijalankan. Walaubagaimanapun, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Senator Kamarul Ariffin kerana memberikan syor-syor bagaimana, apakah benda atau perkara-perkara ataupun scope yang hendak dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya hendak ulaskan dan mana-mana pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain dan syor-syornya itu adalah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan untuk dijalankan oleh pihak Biro ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) dibacakan bagi kali yang kedua.

Saya tidak payahlah hendak bercerita panjang kerana Bil ini formal sebagaimana yang telah dihuraikan di sini akan tujuan-tujuannya. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat kalau hendak bertanya, bolehlah saya terangkan, tetapi Bil ini formal sahaja kerana mengesahkan diploma yang didapati oleh penuntut-penuntut di Sekolah Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang, supaya sesiapa

yang mempunyai perakuan itu akan diakui, kalau tidak dipinda undang-undang ini, maka tidak dapat diakui, begitu juga cara-cara yang lain seperti mengadakan peperiksaan dan bayaran-bayarannya. Perkara ini adalah perkara formal sahaja. Terima kasih.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.